Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 17 | RABU 29HB APRIL, 1981. | 1401 رابو 24 ربيع الاخير | PERCHUMA

DALAM SA-MINGGU

Memerhati Pentadbiran Protokol

Sa-orang pegawai pentadbir kanan, Pengiran Anak Puteh ibni YTM Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohammad Alam, dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah bertolak pada 18hb April 1981, ka-Kuala Lumpur untok mengikuti kursus sachara penempatan sa-lama dua minggu di-Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Malaysia. Pengiran Anak Puteh akan memerhati pentadbiran protokol dan telah berkesempatan bertemu-ramah dengan Tengku Ahmad Rithauddeen.

P'tandingan Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Membacha Kor'an bagi kaki-tangan Jabatan Laut telah berlangsong di-bilek persidangan jabatan tersebut Sabtu lalu.

Pertandingan tersebut telah di-rasmikan oleh Pengawal Kastam dan Bea, YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan telah di-sertai oleh 10 orang qari.

Di-pileh

SENGKURONG. — Dato Paduka Haji Judin bin Asar telah di-pileh sa-mula sa-bagai Yang Dipertua, Awang Haji Mohamed Tamin sa-bagai Setia Usaha dan Awang Abdul Manaf bin Haji Jambul sa-bagai Pengerusi bagi Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong pada Ahad lalu.

Dalam pemilehan jawatankuasa bagi tahun 1981/82 itu, Awang Asmat bin Haji Salleh juga di-pileh sa-bagai Bendahari di-samping YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Bakal sa-bagai Penasehat.

Nashid

TUTONG. — Pasokan nashid dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah telah terpileh sa-bagai johan dan naib johan bahagian lelaki dalam peraduan nashid di-sini.

Manakala bahagian perempuan pula johan di-menangi oleh pasokan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan naib johan, Kelas Ugama Penanjong.

Kesempat2 pasokan itu di-jangka akan mewakili Daerah Tutong ka-peraduan perengkat sa-negeri bulan Mei ini. Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Adnan bin Haji Hanafiah telah menyampaikan hadiah2.

KEBAWAH DYMM ketika di-junjong ziarah oleh Awang Haji Yahya bin Mohd Yusof, Timbalan Pengawal Penchen2 Negara ketika lawatan Baginda di-Jabatan2 Kebajikan, Belia dan Sokan, Kehutanan dan Odit.

DYMM LAWAT S-JAYA PERKHIDMATAN AWAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ka-empat buah jabatan lagi termasok Jabatan Surohanjaya Perkhidmatan Awam pada hari Isnin 27hb. April lepas dalam rangka lawatan Baginda ka-jabatan2 kerajaan.

Keberangkatan Baginda ka-jabatan itu telah di-alu2kan oleh YAB Menteri Besar Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd. Momin, YB Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, YB Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Dato Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman dan pegawai2 kanan jabatan tersebut.

Turut serta dalam lawatan Baginda itu ia-lah Penasehat Umom Baginda YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Sa-belum meneruskan lawatan Baginda sa-chara dekat di-tiap2 bahagian jabatan itu, Baginda Yang Dipertuan terdahulu dari itu telah di-junjong berangkat untok mendengarkan taklimat yang di-sembahkan oleh Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Sa-lepas itu Baginda kemudian-nya di-junjong untok berangkat bagi memerhatikan sa-tiap bahagian perlaksanaan jabatan itu di-mana Baginda di-samping itu juga telah di-

Lihat muka 20

POLO PERSAHABATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. —Kelab Polo Diraja Pahang yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah tiba di-negeri ini Sabtu lalu.

Kelab tersebut telah mengadakan beberapa perlawanan dengan beberapa pasokan polo tempatan termasok Kelab Polo Diraja Brunei yang di-ketuai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertempat di-Padang Polo Jerudong.

DYMM Pemangku Raja Pahang ketika di-alu-alukan keberangkatan tiba Baginda oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Manis-nya Iman

"SIAPA jua isteri yang meninggal dunia dalam keadaan suami-nya meredhai-nya neschaya ia akan masok shurga." — HADITH Nabi riwayat At-Tarmizi daripada Ummu Salamah.

BANCHI PENDUDOK

Oleh : Jaa far Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Yunit Peranchang Ekonomi akan mengadakan banchi pendudok dan perumahan di-seluroh negeri yang akan di-adakan bermula pada bulan depan.

Banchi tersebut di-bahagikan kapada dua perengkat ia-itu perengkat pertama bagi banchi perumahan dan perengkat kedua bagi banchi pendudok.

Pembanchian bagi perengkat pertama akan di-jalankan di-antara 11hb. hingga 20hb. Mei depan di-mana dalam tempoh ini penemuduga yang terlateh akan mengunjongi satiap rumah bagi mendapatkan keterangan2 berkenaan dengan jenis rumah, bahan2 pembenaan, kemudahan rumah-tangga dan keluarga, peralatan2 rumah-tangga dan kegiatan2 pertanian.

Sementara perengkat kedua akan di-jalankan dari 26hb. Ogos hingga 2hb. September yang mana penemuduga2 sekali lagi akan mengunjongi tiap2 rumah bagi mendapatkan keterangan berkenaan dengan butir2 hubongan keluarga, jantina, umor, tempat lahir, bangsa, taraf kelamin, ugama, tingkat pendidekan, umor ketika berkahwin yang pertama, bilangan anak yang di-lahirkan, pekerjaan dan pendapatan.

Menurut Datin Hajjah Jusnani binte Haji Lawie, Penguasa Banchi dalam surat keliling-nya baru2 ini menjelaskan bahawa di-dalam kedua2 perengkat itu, sa-tiap penemuduga/pegawai banchi akan

Lihat muka 20

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Gunakan kemudahan dan rebut peluang pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN—Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais menyeru pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Laut supaya menggunakan kemudahan2 dan merebut peluang2 pelajaran ugama yang di-sediakan oleh kerajaan.

Dengan memasoki pelajaran2 ugama ia-itu saperti berzikir, mengaji dan lain2, sabda-nya, akan lebeh mendatangkan faedah bukan sahaja kapada diri sendiri malah juga kapada keluarga.

"Dari itu kita amat-lah perlu mengisi dengan kekayaan rohani dan budi pekerti yang terpuji saperti keimanan yang tinggi serta sifat2 jujor, ikhlas, amanah dan taat bertanggong-jawab kapada keluarga, anak2 isteri, kapada pemimpin dan ajaran2 ugama," sabda Yang Amat Mulia seterus-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz membuat seruan demikian ketika bersabda merasmikan pertandingan membacha Al-Kor'an antara Jabatan2 Laut di-sini pada hari Sabtu lepas.

Kerana, sabda-nya, amal ibadat mustahak-lah di-kerjakan dengan sempurna-nya yang mana kesempurnaan itu hanya akan dapat di-chapai dengan chara belajar dan berguru dan bukan-nya dengan chara melihat2 atau mengikut2.

Dan untok itu juga, Yang Amat Mulia juga menyeru pegawai2 yang belum lagi melibatkan diri dalam soal2 keugamaan supaya akan dapat berbuat demikian.

Menyentoh tentang sifat2 bekerjasama pada perkara2 berkebajikan hendak-lah di-kembang dan luaskan lagi di-segenap perengkat dan bidang terutama dalam achara2 yang berchorak keugamaan saperti menganjorkan Peraduan Membacha Al-Koran. Dengan jalan ini, sabda Yang Amat Mulia, akan dapat meningkatkan rasa takwa kita kapada Allah.

Pelita Brunei AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

29HB APRIL, 1981

Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang

BANCHI PENDUDOK DAN PERUMAHAN

USAHA Kerajaan sa-chara langsong dalam membantu raayat dan pendudok menghadapi chabaran zaman dengan niat untok merengankan beban dari kesan chabaran2 itu ada-lah suatu usaha yang tidak sa-mesti-nya di-pandang rengan malah ia-nya merupakan suatu usaha demi usaha memberikan lebeh banyak perhatian kapada kehidupan yang lebeh stabil terutama dalam bidang ekonomi dan sosial. Maka untok itu, bagi membantu Kerajaan dalam melaksanakan peranchangan kehendak2 sosial dan ekonomi saperti pertambahan pendudok, perkhidmatan2 pelajaran, kesihatan, projek pembangunan, perumahan dan lain2; Jabatan Yunit Peranchang Ekonomi akan mengadakan banchi pendudok dan perumahan di-seluroh negeri. Dari itu seruan Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani, meminta kapada ketua2 keluarga agar akan dapat menyediakan semua jawapan2 dan keterangan2 supaya pembanchian itu akan dapat berjalan dengan lanchar, patut-lah di-ambil perhatian oleh sa-tiap ketua keluarga yang terdiri dari raayat dan pendudok di-negeri ini.

Menurut yang telah di-jadualkan, pembanchian bagi perengkat pertama akan di-jalankan di-antara 11hb hingga 20hb Mei depan dalam mana penemuduga2 yang terlateh akan mengunjongi sa-tiap rumah bagi mendapatkan keterangan2 berkenaan dengan jenis rumah, bahan2 pembenaan, kemudahan rumah-tangga dan keluarga, peralatan2 rumahtangga dan kegiatan2 pertanian.

Sementara perengkat kedua akan di-jalankan dari 26hb Ogos hingga 2hb September tahun ini, di-mana penemuduga2 sekali lagi akan mengunjongi tiap2 rumah bagi mendapatkan keterangan berkenaan dengan butir2 hubongan keluarga, jantina, umor, tempat lahir, bangsa, taraf, kelamin, ugama, tingkat pendidekan, umor ketika kahwin yang pertama, bilangan anak yang di-lahirkan, pekerjaan dan pendapatan.

Dan sa-bagaimana yang di-fahamkan bahawa banchi ini di-jalankan di-bawah Undang2 Banchi, Bab 78 dari Undang2 Brunei 1947. Maka semua butir2 serta keterangan2 yang di-berikan ada-lah di-rahsiakan sepenoh-nya dan ia-nya hanya akan di-gunakan semata-mata bagi maksud2 perangkaan untok membantu Kerajaan pada melaksanakan kehendak2 sosial dan ekonomi.

Apa yang di-harapkan oleh pehak berkenaan semoga raayat dan pendudok di-negeri ini, tegas-nya ketua2 keluarga akan memberikan kerjasama mereka untok melichinkan perjalanan pembanchian ini, sa-bagaimana juga kerjasama yang telah di-berikan kapada pembanchian2 sa-belum-nya. Sa-perkara yang harus juga di-ingati oleh sa-tiap ketua2 keluarga yang di-datangi itu harus-lah memastikan samada yang mendatangi mereka itu benar2 penemuduga2 yang di-maksudkan — kerana di-takuti dalam keadaan2 sa-umpama itu ada orang akan MENYARBU untok tujuan lain.

Kerana itu, bagi memudahkan orang ramai mengenali penemuduga2 yang di-lantek itu, mereka di-bekalkan dengan pengenalan2 khas yang menunjokkan bahawa mereka itu ada-lah pegawai2 banchi. Orang ramai di-galakkan supaya terlebeh dahulu meminta bokti2 pengenalan mereka dan siapa2 yang tidak memileki pengenalan sa-bagai pegawai2 banchi itu, berma'ana bukan-lah orang-nya. Jika di-takdirkan ada-nya orang2 jahat yang MENYARBU atau MASBOK di-ketika musim banchi itu berjalan, maka tunaikan-lah kewajipan kita dengan segera untok melaporkan-nya kapada pulis atau pehak2 berwajib yang lain.

CHERAMAH BERSIRI: (SAMBONGAN)

KURSUS PENDAKWAH DAERAH TEMBURONG

Oleh: Haji Abdul Aziz Juned

PADA bulan yang lepas saya telah terangkan serba rengkas berhubong dengan chara2 menjalankan dakwah mengikut kaedah Al-Kor'an, dan saya juga tekankan supaya jangan ada orang yang chuba2 mengubah kaedah ini dengan kaedah-nya sendiri. Sebab jika ada perchubaan saperti itu pasti akan gagal.

ALAT ATAU OBJEK DAKWAH

Ada tiga alat atau objek dakwah itu :

1. Perkataan, atau dalam bahasa Arab di-sebut qaulun (قول)
2. Perbuatan, atau dalam bahasa Arab di-sebut fe'lun (فعل)
3. Berdiam diri dengan maksud membenarkan perchakapan atau pun perbuatan sa-seorang yang di-sebut ikrar (اقرار)

Jika di-perhatikan chara2 Rasulullah s.a.w. menjalankan dakwah, maka melalui tiga chara atau alat ini-lah Baginda itu bertindak. Semua-nya di-kumpolkan dalam atau nama: SUNNAH Rasulullah s.a.w.

Alat pertama —

PERKATAAN :

Ini-lah paling mustahak di-antara yang lain2 itu. Ia di-perlukan untok memberitahu, atau untok mengajar, atau untok menyampaikan nasehat dan juga untok berdebat. Tidak banyak kesan yang dapat di-harapkan daripada orang2 yang kurang, atau apa-tah lagi tidak chekap langsong menguasai perchakapan. Sebab itu-lah, Nabi Musa a.s. ketika di-perentahkan untok menghadapi dan menyeru kaum-nya, maka Baginda berdo'a meminta lapangkan dada, mudahkan urusan dan petahkan lidah-nya (lihat Surah Taha ayat2 25—28). Di-samping itu Baginda juga memohonkan supaya Nabi Harun, saudara-nya di-benarkan untok membantu-nya, kerana menurut ahli tafsir, bahawa Nabi Harun mempunyai kelebehan pandai berchakap atau lebeh petah daripada Nabi Musa sendiri. Wallahu A'lam (lihat Surah yang sama ayat2 sa-lanjut2-nya 29—32).

Demikian peranan kata2 atau perchakapan.

Bagaimana-kah untok mendapatkan kemahiran menguasai kata2 atau perchakapan itu ?

Jawab-nya : Boleh dengan beberapa chara. Tetapi yang paling penting ia-lah melalui LATEHAN yang sempurna, latehan berchakap menghadapi orang ramai.

Siapa-kah orang ramai itu ?

Istilah orang ramai di-sini tidak-lah mesti sahingga 1,000 atau 2,000 orang. Tetapi bilangan murid dalam sa-buah kelas 20-30 orang pun, orang ramai juga, dan bahkan bagi orang yang gagaran dan gugup (nervous), sa-orang dua itu pun boleh menggonchang hati dan perasaan-nya.

Kerana itu, jika tuan membacha riwayat hidup Abraham Lincoln (1809-1865), President Amerika yang mashor itu, tuan akan ketawa bagaimana ia berlateh menghadapi orang ramai ? Ia-itu dengan chara berdiri di-tengah2 hutan. Segala pohon2 kayu, sama ada yang besar2 atau yang kechil, yang ada di-sekeliling-nya pada masa itu, di-anggap-nya dalam kepala-nya sa-bagai "orang ramai." Lalu ia pun berdiri dan berpidato di-hadapan mereka (pohon2 kayu) itu, laksana sa-orang jagoh yang tidak tertandingi layak-nya. Ia mendengar dalam hati-nya orang ramai (pohon2 kayu) yang beratus ribu jumlah-nya itu bertepok sorak dan menyambut dengan gemuroh uchapan-nya.

Demikian-lah suatu kisah yang menggelikan hati: Mungkin ia ganjil, tetapi benar berlaku.

Maka dari chontoh ini, dapat-lah kita faham bahawa pekerjaan menghadapi orang ramai itu bukan-lah suatu kerja mudah, tetapi ia menghendaki kaedah (method) dan "modal" yang chukop. Modal itu tidak lain ia-lah kelancharan atau kepetahan berchakap. Ia boleh di-dapat dengan chara banyak berlateh sa-bagaimana kita sebut di-atas. Tetapi sunggoh pun begitu, latehan sahaja pun tidak akan berguna jika tidak di-tolong dengan modal yang lebeh asasi dan compulsory, ia-itu-lah "pengetahuan." Modal satu ini jangan sama sekali di-abaikan, kerana ia bermakna isi dan tenaga yang di-perhitongkan oleh segala pehak.

BEBERAPA CHARA PENYAMPAIAN DAKWAH

Ada beberapa chara penyampaian atau approach kapada orang2 yang di-dakwah :

1. **Pendahuluan:** Biasa-nya pendahuluan ini mengambil peranan besar dalam sa-suatu pembicharaan. Ia di-maksudkan untok menarek perhatian orang terhadap perkara2 yang hendak di-perkatakan.

Bagi sa-tengah orang, memulakan uchapan itu selalu-nya sukar. Oleh kerana itu tidak jarang berlaku, sa-orang yang gagal memulakan uchapan-nya (tawar dan hambar muqaddimah-nya) akan gagal pula hingga ka-hujong.

Sebab itu berdasarkan ini, mustahak benar-lah di-awasi pendahuluan atau kata2 penghantar, jangan sampai terlalu panjang yang boleh membosankan. Biar pendek asal terator dan mudah di-faham.

2. **Timbulkan Keinginan Orang Untok Tahu :**

Banyak daripada susunan Al-Kor'an boleh di-ambil chontoh dalam hal ini. Chuba perhatikan di-banyak permulaan Surah2 Al-Kor'an. Mithal-nya ada yang di-mulai dengan

Alif-Lam-Mim	(الم)
Alif-Lam-Raa	(الر)
Ha-Mim	(حم)
Yasin	(يس)

dan lain2. Semua itu tidak dapat di-jelaskan erti-nya dengan tepat dalam bahasa Arab, sa-hingga dengan itu timbul-lah pendapat yang berbedza2 mengenai-nya.

Perkara ini sudah barang tentu mendorong orang untok lebeh tahu apa dia yang sa-benar-nya hikmat dan rahasia-nya ?

Bukan-lah ini satu sebab orang membacha dan mengkaji Al-Kor'an ? Dan bila telah di-bacha dan di-kaji, timbul pula rasa kagum, maka bertemu-lah orang itu dengan hakikat kebenaran melahirkan imam : AL-KOR'AN KALAMULLAH.

3. **Tonjolkan pertanyaan2 yang menarek :**

Dalam hal ini Al-Kor'an memberi chontoh sa-bagaimana firman Allah dalam Surah As-Saf ayat 10-13:

Erti-nya: "Wahai orang2 beriman, mahu-kah kamu AKU tunjokkan suatu PERNIAGAAN yang dapat melepaskan kamu daripada kesengsaraan yang amat pedeh ? Ia-itu beriman kamu kapada Allah dan Rasul-nya dan bersunggoh-sunggoh kamu mengorbankan harta dan jiwa kamu di-jalan Allah. Demikian-lah perniagaan yang terbaik untok kamu jika kamu mengetahui-nya. Itu ada-lah keuntongan yang amat besar. Dan lain-nya sangat utama ia-lah pertolongan Allah serta kemenangan yang segera tiba. Gembirakan-lah wahai Muhammad, orang2 yang beriman itu."

Perhatikan di-sini dari ayat ini, bukan-lah ia suatu PERTANYAAN yang amat hebat mengenai suatu perkara besar ia-itu "Perniagaan?" Perniagaan biasa-nya bersangkut paut dengan harta, yang bertujuan untok mendapatkan keuntongan. Ia sunggoh di-minati sekali oleh manusia. Kerana itu bagi menarek manusia itu kapada beriman kapada Allah dan Rasul dan berkorban jiwa dan harta di-jalan Allah, maka Allah menamakan-nya semua ini sa-bagai "perniagaan" juga, supaya kita buka mata besar2 terhadap-nya.

Bukan-kah ini mengandongi nilai ilmu jiwa yang tinggi ?

BEBERAPA RUMUSAN ASAS BAGI PENDAKWAH

Di-bawah ini saya simpulkan beberapa rumusan asas bagi para pendakwah, ia-itu sa-telah mengemukakan perbinchangan2 di-atas :

1. **Lanchar Penyampaian :** Ini biasa-nya boleh di-chapai dengan chara spontan atau

Lihat muka 5

MINGGU ORIENTASI PTE '81

MEMBIASAKAN PELAJAR BARU DENGAN KEHIDUPAN MASHARAKAT KAMPUS

Oleh: Jahri Latif

PADA minggu lalu, Pusat Tingkatan Enam Gadong (PTE) telah mengadakan 'MINGGU ORIENTASI-NYA' bagi mengalu-alukan kemasokan 150 orang pelajar baru (freshie) yang telah terpileh untok melanjutkan pelajaran mereka ka-perengkat Pra-U sa-lama dua tahun di-pusat itu.

Tujuan asasi orientasi atau suaikenal ini, saperti yang telah di-fahamkan ia-lah sa-bagai satu chara atau tradisi yang lazim di-amalkan oleh pusat2 pengajian tinggi untok pengenalan sa-chara langsong bagi mengeratkan hubongan sosial di-kalangan pelajar2 senior dan junior (freshie). Chara ini, bagi sa-tengah pendapat merupakan saloran yang efektif untok membiasakan diri pelajar dengan kehidupan masharakat kampus.

Di-samping tujuan memperkenalkan sa-sama pelajar, pelancharan 'Minggu Orientasi' juga dapat membentok para pelajar itu dalam menerima dan menghadapi beberapa situasi yang mungkin belum pernah terjadi pada mereka, tapi akan berlaku samasa berada di-pusat itu. Mithal-nya dari segi chara belajar amat berlainan sawaktu di-sekolah menengah dan rendah dahulu, tetapi keadaan tersebut telah berubah mengikut tara keupayaan pelajar, dimana apabila sudah berada di-Pra-U segala2-nya tidak lagi 'spoon-feeding', sa-balek-nya pelajar2 terpaksa berungkayah sendiri untok menchapai kemajuan diri-nya.

Kerana itu, pelajar2 yang baru menjejakkan kaki-nya ka-sekolah2 perengkat tinggi ini mereka terpaksa melalui proses orientasi sa-bagai ujian awal untok mereka menghadapi chabaran2 yang akan mereka tempoh disamping untok mengenal lebeh jauh lagi chara bersosial dan hidup sa-bagai pelajar yang terdidek dengan disiplin dan peratoran2.

PERBANDINGAN

Sa-bagai bahan perbandingan untok kita berfikir dalam zaman ini, kata Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Sunny bin Haji Idris ketika beruchap merasmikan majlis orientasi PTE baru2 ini, beliau telah mengesahkan satu sejarah orientasi dua puloh lima tahun dahulu sa-waktu beliau memasoki Maktab Perguruan, di-England, bahawa orientasi yang di-jalankan di-maktab itu menurut-nya banyak perkara2 'ragging' dan 'bullying' yang bertujuan untok membodoh-bodohkan dan merendah-rendahkan diri sa-seorang pelajar. Lebeh dashat, kata-nya, kalau pelajar yang mempunyai lemah semangat, alamat jadi mangsa ! Mereka di-buat saperti hamba abdi. Freshie itu akan di-paksa melakukan sa-suatu yang tidak wajar di-buat dan bertentangan pula dengan tujuan asasi orientasi.

Walau bagaimana pun, suasana dan iklim kita di-negeri ini yang masharakat-nya teradat dengan nilai2 budi pekerti yang tinggi, amat tidak mengizinkan perkara2 yang bertentangan saperti itu di-buat dalam atorchara di-mana2 jua majlis orientasi yang di-anjorkan oleh maktab2 dan pusat pendidekan negeri ini. Umpama-nya PTE sa-bagai chontoh yang nyata, di-mana majlis orientasi yang di-adakan sa-lama sa-minggu baru2 ini telah memperlihatkan gambaran masharakat pelajar Brunei yang mempunyai identiti-nya yang tersendiri. Majlis tersebut telah di-isi dengan berbagai-bagai kegiatan yang berkebajikan, saperti mengadakan cheramah2 keugamaan, persembahan2 kebudayaan disamping mengadakan peraduan. Tetapi achara yang paling menarek ia-lah sa-buah pertunjokan pantomen yang berjodol 'Perantau Malang' yang telah di-persembahkan oleh pelajar2 di-pusat itu.

IKRAR

Achara kemunchak dan paling penting dalam majlis orientasi itu ia-lah membacha Ikrar Penuntut bagi 150 pelajar baru, yang berbunyi :

★ Patoh dan taat setia kapada Allah, Sultan, Ibubapa dan guru2 saya, mengikut peratoran2 persekolahan serta Undang2 Negara.

★ Belajar dengan rajin dan tekun lagi usaha untok kemajuan saya seterusnya kapada bangsa dan negara saya.

★ Menjaga kebersehan dan kesihatan diri dan sekolah.

★ Bersifat jujor, amanah, ikhlas dan benar.

★ Bersedia mengambil bahagian dalam kegiatan2 sekolah pada sa-tiap masa di-kehendaki dengan bersemangat dan chergas.

★ Berjanji akan menjadi sa-orang warga negara yang baik dan berguna kapada bangsa dan negara saya.

★ Menjaga keselamatan harta benda sekolah dan hak2 kemanusiaan tidak kira bangsa, ugama dan kasta.

★ Sentiasa menghormati kapada orang yang lebeh tua daripada saya dan memberikan chontoh2 yang baik kapada orang yang lebeh muda daripada saya.

★ Menjaga peribadi saya dengan tata-tertib, sopan-santun dan berbudi bahasa.

★ Sentiasa menjaga dan mengharumkan nama baik sekolah saya di-mana2 sahaja saya berada.

Ikrar itu menjadi lebeh bererti apabila Setiausaha Minggu Orentasi PTE, Che'gu Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin menekankan penting-nya pelajar2 di-pusat itu memelihara dan mempertahankan prestasi dan status PTE sa-bagai sa-buah institusi yang mempunyai taraf akademik yang tertinggi di-negeri ini.

Tetapi imej dan keperibadian yang unggol pusat itu, kata-nya tidak akan dapat di-pertahankan andai-nya semua pehak yang bertanggong-jawab tidak bekerja keras, lebeh2 lagi pelajar2 itu sendiri untok meningkatkan usaha yang lebeh gigih bagi menchapai kemajuan dalam bidang akademik dan mutu disiplin yang lebeh baik. Apa-tah lagi dengan ada-nya persaingan2 Pra-U yang di-tubohkan baru2 ini di-empat buah tempat. Ia-itu di-Maktab SOAS, Maktab AAC, Maktab PSBS/Sekolah Sains dan Sekolah Menengah Muda Hashim.

Walau bagaimana pun, beliau tetap melahirkan harapan yang optimis yang PTE ini akan terus melahirkan guna-tenaga2 yang produktif untok mengisi keperluan2 pembangunan negara. Keyakinan ini, kata-nya, memandangkan pelajar2 yang diterima masok ka-pusat itu ada-lah terdiri daripada pelajar2 yang mempunyai keputusan chemerlang di-perengkat SPS dan BGCE di-bandingkan dengan kelulusan 3 'O' level bagi sharat2 kemasokan di-tempat2 yang lain.

TIMBALAN Pengarah Pelajaran, Awang Haji Sunny bin Haji Idris (atas) ketika beruchap di-majlis orientasi PTE baru2 ini.

MAJLIS orientasi pada hari itu telah di-serikan dengan persembahan nashid.

SA-BAHAGIAN daripada tenaga2 pengajar PTE yang bertanggong-jawab melahirkan guna-tenaga2 yang produktif.

Peraduan Kor'an Pulis

GADONG. — Pasokan Pulis Diraja Brunei akan menganjorkan Peraduan Membacha Al-Kor'an antara chawangan2 bagi memileh wakil pasokan itu ka-Musabaqah Membacha Al-Kor'an antara Jabatan2 Kerajaan yang beruniform. Peraduan ini akan di-adakan di-Kompleks Sokan, Ibu Pejabat Pulis, Gadong pada 7hb. Mei bulan depan.

Speaker Dewan Majlis, Yang Amat Mulia, Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar di-jangka akan merasmikan peraduan tersebut. — JAL

Malai Abdul Hamid.

BANTUAN DARI TIGA PENJURU:

CHERAHKAN USAHA-NIAGA DAN PEMBORONG2 BENAAN BUMIPUTERA

Oleh: Shadoon Lamzi

BERCHERITA tentang pemborong2 bumiputera dan perkaitan-nya dengan faktor2 pelaksanaannya, bererti mengaitkan peranan penting untok mengukohkan foundisen mereka dan sekali gus memberikan sumber kerja kapada mereka.

Tiga penjuru telah membuka pintu saluas mungkin untok mengundang bumiputera yang berpotensi di-bidang usaha-niaga, melaksanakan kerja2 benaan yang di-borongkan dan menjadi ajen barangan yang di-perlukan.

★ Lembaga Kemajuan Ekonomi bersifat sa-bagai penjuru utama yang antara-nya kerana skim pinjaman-nya;

★ Jabatan Kerja Raya merupakan penjuru yang kedua utama yang sifat-nya sabagai sumber kerja; dan

★ Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan rakan2-nya adalah penjuru ketiga utama dengan aliran berbagai kerja yang berligar di-atas pundaknya.

Ketiga2 penjuru ini merupakan sumber kerja.

KATAN

Dari segi menolong "katan" pengusaha2 Melayu, Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan sunggoh2 berusaha untok menchapai stratiji-nya dan sajauh ini sa-ramai 213 orang telah mendapat pinjaman dari lembaga tersebut. Jumlah pinjaman yang telah di-luluskan sa-hingga 20hb Januari, 1981 ada-lah lebeh dari $11.5 juta.

Kalau "katan" yang menjadi sungutan sabelum-nya akan timbul tenggelam-nya pengusaha2 Melayu, maka dengan usaha gigih dan amat bersunggoh2 dari Lembaga itu memberi keyakinan betapa pengusaha2 Melayu kini telah dapat di-bantu-kukohkan.

SUMBER/KERJA

Dari sudut sumber kerja, Jabatan Kerja Raya tidak akan ragu2 memberikan sumbangan2 yang perlu untok membahagikan kerja2 pemborongan kapada mereka yang mempunyai keupayaan2 yang di-perlukan.

Bagaimana pun, sabagai satu renongan dari apa yang di-alami oleh JKR sa-lama berhadapan dengan pemborong2 bumiputera itu ia-lah tentang beberapa masaalah kurang-nya ketegapan mereka itu.

Menurut pengalaman JKR, masaalah yang di-hadapi oleh pemborong2 bumiputera pada masa ini antara-nya ia-lah kekurangan pengalaman dari segi pengendalian kewangan, perancangan, perlaksanaan, oganisasi dan perjalanan projek. Dari sini, timbul pula masaalah keupayaan untok mendapat jentera2, perkakas pembenaan dan penggunaan tenaga buroh dan lain2.

JKR yakin, sekira-nya hal tersebut tidak dapat di-baiki oleh pemborong2 bumiputera itu sendiri, maka sudah barang tentu pemborong2 bumiputera akan terus tertinggal mengejar kemajuan.

Dari penjuru BSP pula, memang tidak dapat di-nafikan banyak menelurkan peluang2 kerja2 pengendalian dan borongan kapada kontrektor2 yang berdaftar kapada-nya. Dari pendedahan yang di-buat oleh salah sa-orang pegawai-nya di-dalam majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada hari Khamis minggu lalu kita sama2 difahamkan yang sharikat tersebut telah membayar kira2 $370 juta kapada pemborong2 antarabangsa yang telah membuat kerja2 borongan kapada-nya dan pembayaran yang di-berikan kapada peniaga2 tempatan pada tahun lepas, (peniaga2 tempatan di-sifatkan oleh Shell sa-bagai mana2 peniaga yang mendaftarkan perniagaan mereka di-negeri ini), chuma-lah $95 juta. Kita belum lagi mendapat satu kepastian berapa ramaikah orang Melayu bumiputera yang berkechimpong sa-chara aktif di-dalam sharikat tersebut.

> ***"COMPETATIVE BASIS" yang di-amalkan oleh SMSBB memang perkara biasa dalam dunia perniagaan, tetapi bagaimana jika kita merasa tertekan akibat prinsip yang boleh di-ubah ini. . .***

'CONSULTANT'

Sa-bagai satu langkah pehak Shell di-dalam memberikan pertolongan kapada peniaga2 bumiputera, mereka telah pun mendapatkan sa-orang "consultant" yang kelak akan memberikan bimbingan di-dalam banyak aspek perniagaan yang bersangkutan dengan urus-niaga di-SMSBB. (Rujok Pelita Rabu, 22hb April).

Pehak Shell, menurut salah sa-orang kontrektor bumiputera yang ketara aktif pada ketika ini — Malai Abd Hamid bin Malai Haji Mashhor, masch tetap dengan pendirian mereka dengan mengamalkan prinsip "competative basis" di-dalam menganugerahkan kerja2 yang di-tawarkan dan soal2 memberikan keistimewaan kapada bumiputera, menurut beliau lagi, tidak berbangkit.

"Yang jelas, seandai-nya kita ingin mendapatkan satu2 pekerjaan borongan atau pun pengendalian di-dalam sharikat tersebut, kita kena-lah melengkapkan diri kita dengan baik, serta menguatkan keupayaan sebanding dengan bangsa2 asing yang lain," tambah Pengarah Urusan Sharikat Pemborong Umom Malai Haji Mashhor itu lagi.

Perniagaan yang beliau jalankan termasok-lah membekalkan kira2 180 buah kenderaan2 rengan kapada Shell yang melibatkan kewangan kira2 $4 juta, projek $2 juta di-dalam membekalkan lima buah trak pengangkut lumpur — satu perniagaan usaha-sama dengan Reym, dari negeri Belanda dan projek yang paling akhir sekali ia-lah mengendalikan kerja2 menchuchi tangki2 minyak SMSBB.

Penglibatan sharikat yang di-terajui-nya itu mula berkechimpong dengan SMSBB sejak tahun 1977.

SOAL2 PRINSIP

"Saya sangat2 mengalu2kan jika ada chadangan Shell untok memberikan keistimewaan kapada pemborong2 tempatan biar pun kerja2 yang terlibat ada-lah kechil dan berlandaskan kapada kemampuan masing2. Prinsip "competative basis" yang di-amalkan oleh mereka memang-lah merupakan perkara biasa di-dalam dunia perniagaan tetapi bagaimana pula soal-nya jika kita merasa terlalu tertekan akibat prinsip yang boleh di-ubah ini.

Sharikat saya tentu sekali tidak teragak2 untok bersaing dengan peniaga2 lain yang bukan Mela[illegible] tetapi yang saya fikirkan ia-lah masa depan pemborong2 bumiputera yang lain yang baru saja hendak hidup dan baru saja hendak merangkak," jelas-nya.

"Bagaimana-kah mereka akan dapat bersaing dengan sharikat raksasa yang lain yang sudah tentu-nya ingin mendapatkan sa-tu kerja2 yang di-tawarkan walau pun harga kerja yang di-tawarkan ada-lah kechil kata-nya lagi dengan ragu.

"Saya merasa optimis tentang kejayaan bumiputera seandai-nya banyak lagi anak bumiputera berkechimpong di-dalam Shell dan dengan kerjasama dan sokongan SMSBB tentu sekali perkara ini akan menjadi kenyataan," tambah beliau.

Malai Abdul Hamid saperti peniaga2 bumiputera lain-nya berharap supaya langkah2 positif tetap di-terus di-ambil oleh S M S B B di-dalam memberikan sokongan kapada mereka.

SHELL RANCHANG/ PERJUMPAAN KHAS

Dayang Siti Radiah Haji Mohammad Yusof, Pegawai Perhubongan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad ketika kami hubongi baru2 ini, menjelaskan yang SMSBB akan mengadakan satu majlis perjumpaan khusus bagi pemborong2 bumiputera berikutan dengan majlis taklimat yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, SUK [illegible]

KESUBORAN ROHANI BAGI KETENANGAN JIWA

MARI-lah sama2 kita bertakwa kapada Allah dengan sa-benar2-nya dan sentiasa berusaha meningkatkan rasa takwa itu dengan menyuborkan keimanan, melakukan amal soleh dan pekerjaan2 yang berkebajikan serta menjauhi perkara2 yang dilarang oleh Allah s.w.t.

Negara2 maju seperti Amerika, Jepun dan lain2 manusia sentiasa hidup dalam kesibokan dan ketegangan sa-olah2 berkejar2an dengan waktu.

Pada umom-nya kehidupan lahir mereka lebeh senang dan nekmat, memiliki rumah2 besar dengan perabot2 yang serba lengkap, dengan alat penyanas hawa di-musim sejuk, dan alat pendingin hawa di-musim panas. Di-dalam rumah tersedia alat2 musik dan penghiboor. Di-luar rumah tersedia kenderaan2 peribadi yang mewah dan bagus. Makan minum serba chukup bahkan melimpah2. Tetapi di-lihat dari segi lain ada suatu kekosongan dalam kehidupan yang demikian nekmat, ia-itu ketiadaan ketenangan hati dan kehilangan ketenteraman jiwa.

Sa-bagai akibat dari kehidupan yang penoh kesibokan, timbul-lah ketegangan2 yang menyebabkan meningkat-nya penyakit saraf, darah tinggi, lemah jantung dan lain2. Untok menenangkan fikiran dan mententeramkan jiwa, banyak orang terpaksa menelan pil2 saperti pil2 ubat tidor, minum arak dan sa-bagai-nya.

Ini menunjokkan bahawa kemewahan hidup dunia belum chukup untok memberi sa-benar2 ketenangan jiwa kapada manusia tanpa di-bantu oleh kesuboran rohani.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang kira2 bermaksud :

"Sa-sunggoh-nya dalam tuboh manusia itu ada saketul daging, jika ia baik, maka baik-lah seluroh tuboh, dan jika ia rosak, maka rosak-lah seluroh tuboh. Ketahui-lah bahawa benda itu ia-lah hati."

Hati ada-lah merupakan alat yang menjadi pusat kegiatan seluroh anggota tuboh yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Kedudokan dan keadaan manusia tergantong kapada baik atau burok-nya alat tersebut. Jika hati itu sehat dan baik maka seluroh tuboh akan menjadi sehat dan baik. Sa-balek-nya kalau ia-nya rosak dan sakit, maka akhir-nya akan mengakibatkan benchana dan kerosakan kapada seluroh tuboh.

Hati atau jiwa itu perlu di-pelihara dan di-beri makanan yang membolehkan ia menjadi sehat dan baik supaya dapat mengendalikan keseimbangan terhadap kehidupan jasmani dan rohani manusia.

Ketenangan jiwa atau ketenteraman hati itu dapat di-chapai antara lain dengan membanyakkan zikrul-Allah ia-itu mengadakan hubongan langsong dengan Allah Subhanahu Wataala, sentiasa ingat akan kekuasaan-Nya, akan sifat belas kasehan-Nya dan akan nekmat2 yang di-korniakan-Nya yang tiada terkira banyak-nya.

Firman Allah Taala dalam surah Ar-Ra'd ayat 28 yang kira2 bermaksud :

"Orang2 yang beriman itu, jiwa (hati) mereka menjadi tenang kerana mengingat Allah (zikrul-Allah). Ketahui-lah bahawa dengan mengingat Allah, hati menjadi tenang dan tenteram."

Jiwa yang tenang itu tumboh kerana kemampuan menempatkan sa-suatu pada tempat yang sawajar-nya dan sentiasa meletakkan-nya di-atas dasar iman. Dengan dasar iman manusia akan menerima segala sa-suatu yang di-hadapi-nya, baik senang mahu pun susah baik menang mahu pun kalah, dan lain2 sa-bagai-nya, dengan perasaan redha. Kalau dia mendapat nekmat, atau berjaya menchapai sa-suatu, dia tidak akan terlonjak2 kegirangan. Sabalek-nya kalau di-timpa benchana, jatuh bengkerap, atau kalah dalam perjuangan dan lain2 sabagai-nya, dia tidak berdukachita apa lagi putus asa. Bahkan dalam apa jua keadaan sa-kali pun, dia selalu dapat menguasai diri dan mampu menchiptakan keseimbangan dalam diri-nya, hati-nya tetap tenang dan jiwa-nya tetap tenteram.

Kerana itu kesuboran rohani yang di-dasarkan kapada iman dan takwa kapada Allah serta menyiram-nya dengan amal ibadat dan zikrul-Allah ada-lah amat penting bagi ketenangan jiwa. Yang demikian mari-lah kita mempertegohkan pegangan kita kapada ugama dan berusaha menghayati dengan sunggoh2 dan ikhlas jangan sampai jiwa kita menjadi rosak.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29hb April, 1981 hingga ka-hari Selasa 5hb Mei, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini : —

Hari Bulan	*Dzuhor*	*Asar*	*Magrib*	*Isha*	*Imsak*	*Suboh*	*Matahari Terbit*
29hb April	12.24	3.39	6.31	7.43	4.41	4.55	6.09
30hb April	12.24	3.39	6.31	7.43	4.41	4.55	6.09
1hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07
2hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07
3hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07
4hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07
5hb Mei	12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.07

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

Keikhlasan melakukan sa-suatu

BIASA-nya segala sa-suatu itu dapat di-champori oleh sa-suatu yang lain. Bila sa-suatu yang baik berchampor dengan yang baik tentu-lah ia akan menjadi bertambah baik, tetapi jika yang baik berchampor dengan yang tidak baik tentu ia akan menjadi kotor, rosak atau kurang kualiti-nya. Jika sa-suatu itu berseh tidak terkena champoran apa2, ia akan di-anggap sa-bagai sa-suatu yang murni. Demikian juga hal-nya dengan perbuatan dan amalan kita, jika ia dilakukan dengan niat yang suchi berseh sa-mata2 kerana Allah tidak di-selitkan dengan lain2 tujuan — itu-lah perbuatan yang murni dan di-namakan perbuatan yang ikhlas.

Lazim-nya kalimat ikhlas itu di-khususkan bagi mensuchikan niat atau tujuan di-dalam melakukan ibadat kapada Allah Taala. Jadi apabila niat atau tujuan beribadat itu sudah di-champori oleh pengaroh lain, baik yang berupa ria', sombong, minta di-puji atau menchari nama atau merupakan godaan hati, maka amalan yang sa-demikian itu tentu-lah sudah keluar dari nama ikhlas. Sa-bagai chontoh dapat-lah di-mithalkan saperti berikut : —

Mengerjakan puasa dengan maksud untok mendapatkan kemanafaatan jasmani yang dapat di-perolehi dengan jalan berpuasa.

Mengerjakan haji dengan tujuan untok mendapatkan kesempatan mengambil untong dengan perniagaan.

Bersembahyang supaya orang akan menganggap-nya orang yang saleh.

Menuntut ilmu pengetahuan dengan tujuan untok mendapatkan pangkat keduniaan.

Melawat orang sakit supaya **jikalau ia sendiri** sakit ia akan di-lawati.

Dalam berbagai chontoh di-atas, sa-kalipun ia di-lakukan dengan niat yang baik ia-itu ingin mendekatkan diri kapada Allah Taala, tetapi jika di-samping-nya terdapat niat atau tujuan saperti yang tersebut di-atas maka itu juga tidak ikhlas nama-nya.

Dengan kata lain, dapat-lah di-sebutkan bahawa segala kepentingan duniawi yang biasa-nya menjadi keinginan hati dan di-senangi oleh jiwa, baik banyak atau pun sedikit, jikalau sudah menchampori atau menyelinap masok ka-dalam sa-suatu amalan, maka lenyaplah kemurniaan-nya dan akhir-nya menjadi rosak — hilang-lah keikhlasan. Sebab orang yang benar2 ikhlas dalam amalan-nya ia-lah sa-seorang yang berbuat sa-suatu tanpa ada sa-suatu tujuan lain melainkan sa-mata2 kerana Allah untok mengharapkan keredhaan-Nya.

Keikhlasan yang sesunggoh-nya ini tidak mungkin terchapai melainkan sa-seorang itu benar2 chinta kapada Allah Taala dan mengikis dari dalam kalbu-nya untok menchintai pengaroh2 nama dan harta-benda di-dunia yang fana ini. Sa-bagai kesimpulan ada baik-nya kita perhatikan maksud firman Allah Taala di-bawah ini yang di-petik dari Surah An-Nisa ayat 146 : —

"Kechuali orang2 yang bertaubat, mengadakan perbaikan, berpegang tegoh kapada Allah dan tulus ikhlas kerana Allah samata2 dalam ugama-nya, maka mereka itu-lah yang dapat menyertai kaum mukminin."

Bingkisan minggu ini

Pertandingan Kor'an Brunei I

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan membacha Al-Kor'an peringkat Dewasa bagi kawasan Brunei I akan di-adakan pada 17hb. Mei, 1981 bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½ Jalan Tutong, mulai jam 8.00 pagi. Pertandingan itu ia-lah untok memileh wakil2 kawasan Brunei I ka-pertandingan sa-paroh akhir yang akan di-adakan dalam bulan Jun nanti.

Sharat2 dan borang2 penyertaan boleh di-dapati dari sekarang daripada Awang Haji Metussin bin Haji Ibrahim, Setiausaha Penyelenggara peraduan tersebut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama (Bahagian Dakwah dan Tabligh) Bandar Seri Begawan, Brunei dan borang2 penyertaan itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Mei, 1981 jam 4.00 petang.

Chontoh dari pengalaman

Dari muka 2

tidak bergantong kapada kertas. Tetapi sunggoh pun begitu, kelancharan boleh juga di-perolehi dengan chara berteks dari buatan-nya sendiri. Jika bukan dari buatan-nya sendiri, maka itu ada-lah di-luar jaminan kita.

2. **Ada Kesunggohan:** Kesan tidak mungkin di-perolehi dari pembicharaan yang tidak menampakkan kesunggohan.

3. **Kemukakan Chontoh Dari Pengalaman dan Kejadian2 Yang Pernah Atau Sedang Berlaku :** Ini di-rasakan sangat mustahak bagi mendekatkan orang supaya lebeh memahami lagi apa yang sedang kita binchangkan.

4. **Suara.** Tidak boleh merata sahaja, tetapi hendak-lah pandai menchipta nada2 yang di-sesuaikan dengan maksud2 perbicharaan. Kira-nya perlu di-tinggikan, maka tinggi-lah, atau rendah, maka rendah-lah, dan dan sa-umpama-nya. Dan sa-iring dengan ini juga ia-lah kepandaian menguasai "gerak" anggota saperti tangan, mimek muka dan lain2. Semua itu mesti di-bentok sa-laras dengan maksud atau isi yang di-sampaikan.

5. **Tata-tertib :** Ini mengandongi tingkah laku atau kelolahan dan pakaian. Dalam hal ini hendak-lah di-buat "chongak2" yang meyakinkan bahawa semua itu benar2 telah kita kuasai dengan tepat, sa-hingga tidak ada lagi—walau pun sedikit — yang tidak kena atau sumbang pada pandangan orang. Perkara ini sunggoh penting, sebab bukan tidak ada orang yang mudah tersasol menganggap diri-nya sudah chukop sempurna, sahingga akibat-nya ia bertindak sa-mahu2-nya, berchakap sa-lepas2-nya, menyebabkan kadang2 rosak imej dan nilai2 kewibawaan-nya sa-bagai pemberi nasehat.

(BERSAMBONG)

Pertandingan Nashid Perengkat Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Nashid Perengkat Daerah Brunei/Muara yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama sempena sambutan Isra' Meraj akan di-adakan pada hari Ahad 3hb. Mei, 1981 bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Batu 1½ Jalan Tutong mulai jam 7.30 pagi.

Pertandingan itu ia-lah untok memileh wakil2 Daerah Brunei/Muara kapertandingan sa-paroh akhir yang akan di-adakan pada pertengahan bulan Mei, nanti.

Semua pasokan yang akan menyertai peraduan tersebut ada-lah di-minta hadhir ka-dewan maktab tersebut dan jika sa-kira-nya ada pasokan2 yang tidak hadhir dalam peraduan itu dengan sendiri-nya di-kira menarek diri.

MENGAPA KUFUR DAN DERHAKA DI-AZAB?

Siri ke-77

MASAALAH : Orang berkata: "Iman dan kufur, ta'at dan derhaka semua-nya dengan kehendak Allah. Kenapa di-azab yang kufur dan derhaka pada hal tidak di-kehendaki ia beriman dan ta'at ?"

JAWAPAN

IMAN dan kufur, ta'at dan derhaka itu semua-nya dengan kehendak dan iradat Allah Ta'ala sa-bagaimana di-sebutkan dalam rukun iman yang ke-enam bahawa perkara jahat saperti kufur, dosa dan sakit; dan perkara baik saperti iman, sehat afiat dan kaya raya semua-nya perkara itu — yakni perkara jahat dan baik itu berlaku-nya dengan kehendak dan iradat Allah.

Di-azabkan yang kufur dan yang derhaka kerana ia mempunyai ikhtiar atau kasab. Kerana tiap2 saorang itu mithal-nya ia tahu akan api maka ia tiada mahu membakar jari-nya dengan api. Dan umpama-nya dia tahu bahawa dia mahu menulis sa-suatu huruf atau sa-suatu perkataan dengan betul, maka tiba2 dia tulis salah huruf atau perkataan itu.

Maka dari dua perkara ini kita ketahui bahawa menulis salah tadi bukan dengan ikhtiar dan kasab orang itu sendiri tetapi dengan kehendak dan iradah Allah. Begitu-lah hal-nya dalam perkara dia tidak memasokkan jari-nya kadalam api tadi, sebab ia ada mempunyai ikhtiar dan kasab dan fikiran dan akal yang di-beri oleh Allah kapada-nya. Maka ada ikhtiar dan kasab itu pada orang itu ia-lah dengan kehendak dan iradah Allah jua.

Allah suroh sa-seorang beriman dan Allah tiada berkehendakkan ia beriman boleh di-chontohkan dengan kufur-nya Abu Jahal.

Allah tiada redha sa-seorang itu kufur dan Allah tiada berkehendakkan ia kufur ia-lah saperti iman-nya Sahabat2 radhiallahu 'anhum.

KEHENDAK ALLAH

Maka iman, kufur, derhaka dan ta'at semua-nya dengan kehendak dan iradah Allah. Dan Allah redhakan sa-seorang itu beriman dan ta'at; dan tiada redhakan dia kufur dan derhaka tetapi semua-nya dengan redha Allah dan iradat-Nya. Dia di-azab dan di-siksa sebab dia telah di-beri ikhtiar dan kasab, dan kerana dia telah salah gunakan ikhitar dan kasab yang di-beri kapada-nya.

Dan Allah redhakan sa-seorang itu beriman dan taat; dan tiada redhakan dia kufur dan derhaka tetapi semua-nya dengan redha Allah dan iradat-Nya. Dia di-azab dan di-siksa sebab dia telah di-beri ikhtiar dan kasab, dan kerana dia telah salah gunakan ikhtiar dan kasab yang di-beri kapada-nya.

Sa-orang ulama ia-itu Al-'Allamah Tahir Al-Jaza'eri (meninggal pada tahun H.1338) pernah berkata dalam kitab **Al-Jawahir Al-Kalamiah,** bahawa segala perbuatan manusia dan hamba Allah itu, sama ada perbuatan itu perbuatan ikhtiar saperti berdiri, dudok, makan dan minum, atau perbuatan idhtirar (tergagah, terpaksa) saperti jatoh — semua-nya itu berlaku dengan kehendak iradah Allah Ta'ala dan dengan takdir-Nya dari dalam azal, dan dengan diketahui dan dengan ilmu Allah Ta'ala sa-belum berlaku perbuatan2 hamba Allah itu.

Manusia itu tiada sekali2 boleh di-katakan di-gagahi dalam segala perbuatan-nya, kerana ia mempunyai iradah yang kechil. Dia boleh dan berdaya menghalakan iradah-nya yang kechil itu ka-arah kebajikan dan ka-arah kejahatan. Dia mempunyai akal, dan dengan akal itu dapat dia membezakan yang mana baik dan yang mana jahat. Apabila dia halakan iradah yang kechil itu pada hala kebajikan neschaya terbit-lah kebajikan yang di-kehendakkan itu dan dia di-beri pahala kerana kebajikan itu terbit dari usaha-nya. Dan bergantong-lah dan tertaalok iradah-nya yang kechil itu dengan kebajikan yang terjadi itu.

Dan jika dia halakan iradah yang kechil itu pada hala kejahatan maka terbit-lah kejahatan itu dan dia di-siksa kerana kejahatan yang terjadi dari usaha-nya itu. Dan bergantong-lah dan berhubong iradah yang kechil itu dengan kejahatan yang terjadi itu.

CHONTOH TERDEKAT

Bagi mendekatkan fahaman bahawa hamba Allah itu tiada tergagah atau terpaksa pada sa-tiap perbuatan-nya dapat di-chontohkan apabila dia dapat membezakan di-antara gerak tangan-nya waktu dia menulis dengan gerak tangan-nya waktu dia menggeletar umpama-nya. Kerana gerak tangan-nya waktu menulis itu di-nisbahkan kapada diri-nya dan dia berkata: "Saya telah menulis dengan ikhtiar dan pilehan dan iradah saya." Ada pun gerak tangan-nya sewaktu menggeletar maka tiada-lah ia nisbahkan kapada diri-nya dan tiada-lah dia berkata: "Saya gerakkan tangan saya" Bahkan dia berkata pula: "Itu berlaku bukan dengan ikhtiar dan pilehan saya."

Dari yang di-chontohkan itu dapat-lah kita faham bahawa tiap2 orang tahu (sekali pun dengan sedikit perhatian) bahawa perbuatan2-nya ada dua macham. Satu macham berlaku dengan ikhtiar dan kehendak-nya saperti makan, minum dan memukol orang dan sa-umpama-nya. Satu macham lagi berlaku diluar ikhitar-nya saperti dia terjatoh ka-lantai.

Oleh yang demikian, maka perbuatan2 manusia yang ikhtiar apabila perbuatan itu baik terhasil-lah daripada-nya pahala. Jika perbuatan itu jahat terhasil-lah daripada-nya siksa. Ada pun perbuatan2-nya yang tergagah atau terpaksa itu tiada-lah terbit daripada-nya sa-suatu perkara.

SENGHAJA

Apabila sa-seorang memukol sa-seorang lain dengan chara aniaya dan menyerang, mencheroboh, atau telah melakukan sa-suatu kejahatan atau sa-suatu dosa kemudian dia datang minta maaf dengan mengatakan perkara itu berlaku atas takdir, maka ada-kah tuan fikir boleh di-terima alasan tersebut atau boleh di-maaf dan di-ampunkan ?

Tentu-lah tiada dapat di-terima daripada sa-seorang itu dengan berkata perkara itu berlaku atas takdir—tiada daripada Allah dan tiada juga daripada makhlok. Kerana mempunyai iradah yang kechil dan mempunyai iradrat, ikhtiar, dan akal.

. . . maka perbuatan2 manusia yang ikhtiar apabila perbuatan itu baik terhasil-lah daripada-nya pahala. Jika perbuatan itu jahat terhasil-lah daripada-nya siksa.

RENGKAS-NYA

Pada rengkas-nya, hendak-lah orang mukallaf beriktidad dan jazam dalam hati-nya bahawa segala perbuatan-nya dan segala perchakapan-nya dan segala gerak-geri-nya — sama ada baik atau jahat semua-nya berlaku dengan iradah Allah dan takdir Nya serta ilmu-Nya. Akan tetapi, perbuatan baik berlaku dengan redha-Nya dan perbuatan jahat berlaku dengan tiada redha Nya. Dan bahawa sa-seorang hamba Allah itu ada mempunyai iradah yang kechil pada perbuatan-nya yang ikhtiar dan dia di-beri pahala kerana melakukan kebajikan; dan di-siksa kerana melakukan kejahatan yang terbit daripada-nya dan tiada-lah dapat di-uzurkan pada perbuatan-nya yang jahat.

TIADA ADA ZALIM

Oleh yang demikian kita berkata bahawa sa-suatu pun dari perbuatan Allah itu tiada ada zalim. Dan bahawa mustahil Allah s.w.t. bersifat zalim; kerana Dia tiada melakukan sa-suatu bukan pada lain dari milek-Nya. Dan barang siapa melakukan sa-suatu pada milek-nya tiada-lah dapat di-bantah perbuatan-nya itu dan dia bukan-lah zalim pada perbuatan2-nya itu.

WALLAHU A'ALAM

. . . perbuatan baik berlaku dengan redha-Nya dan perbuatan jahat berlaku dengan tiada redha-Nya. . .

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.I.J., S.M.J., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mesir

MENYAMBUT TAHUN ANTARABANGSA ORANG2 CHACHAT

DI-MANA2 jua di-dunia ini, tidak semua orang akan mengharong kehidupan-nya dalam keadaan sempurna dan selesa. Yang nyata, ada yang menghadapi kehidupan serba kekurangan dan penoh kesukaran. Ada yang kehilangan panchaindera atau kehilangan sa-bahagian dari anggota tuboh badan, atau menerima kechachatan yang berbagai rupa.

Beruntong-lah orang2 yang lahir dengan berkeadaan yang sempurna dan normal. Tetapi tidak juga boleh di-katakan rugi orang2 yang lahir-nya ka-dunia ini dengan kechachatan dan berkeadaan yang abnormal. Kerana, apa yang ketara pada kita sekarang ini, orang2 yang kurang bernasib baik atau menghadapi kechachatan juga turut bergerak, mempunyai azam dan kesedaran, berfikiran dan mempunyai perasaan peri kemanusiaan yang tinggi. Mereka terus berusaha menchari rezeki pemberian Tuhan, tanpa ada rasa kesal atau putus asa. Sebab mereka ada-lah juga merupakan sa-bahagian dari anggota masharakat yang di-perlukan bakti-nya sama ada yang berupa tenaga lahir atau pemikiran.

Bersempena dengan Hari Pelancharan Sambutan Tahun Antarabangsa bagi orang2 chachat di-Brunei, pehak PELITA membuat tinjauan ka-arah sudut penghidupan beberapa orang yang kurang bernasib baik di-negeri ini.

Sudah lumrah keadaan hidup bermasharakat, chachian dan hinaan selalu-nya di-lemparkan kapada orang2 yang kelihatan pada lahir-nya burok dan tidak mempunyai keistimewaan. Malah lebeh dari itu, manusia itu di-anggap tidak layak untok berada di-sisi masharakat oleh sa-bahagian dari orang2 kita.

- *Beberapa usaha2 pemulehan terus di-berikan*
- *Mereka juga anggota masharakat yang di-perlukan bakti-nya*

Tinjauan dari :

AISHAH PIEE, ZUBAIDAH HS dan ASIMAH HAR

CHACHIAN

"Tetapi semua penghinaan dan chachian itu saya hargai dan saya terima dengan rasa gembira. Ianya di-anggap sa-bagai satu dorongan untok saya lebeh berhati-hati dalam menempoh dugaan hidup, dan saya merasa benchi kalau saya di-puji," demikian penjelasan dari Awg. Sahari bin Haji Tinggal, penuntut Tingkatan Empat di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-Daerah Tutong yang menghadapi penyakit sekalor di-bahagian kaki sebak berusia empat bulan.

Sa-waktu penggambaran ka-atas beliau di-buat oleh pehak PELITA baru-baru ini, Awang Sahari sempat mencheritakan riwayat hidup-nya yang begitu menyayat hati. Menurut beliau, penyakit itu memang telah di-hadapi-nya sejak kechil. Kerana kechachatan-nya itu, keluarga-nya tidak dapat menghantar-nya ka-sekolah dan belajar saperti kanak-kanak lain. Sa-lain dari kesempitan hidup, keluarga-nya tidak mahu beliau menerima risiko yang tidak baik dari orang ramai apabila beliau di-hantar ka-sekolah. Walau bagaimana pun beliau tidak pernah menyesali akan tindakan2 keluarga-nya.

GIGIH

Dengan usaha yang gigih dan sabar dengan pemberian Tuhan, beliau boleh membacha dan menulis dengan baik dan lanchar sa-masa beliau berumor 12 tahun sa-kali pun tidak pernah menghadhiri sekolah atau menerima tunjok ajar dari keluarga. Ini ada-lah atas usaha-nya dengan menchuri-churi melihat buku2 dan gambar2 sekolah abang2 dan adek2-nya. Semua ini di-lakukan kerana merasa sangat iri hati terhadap abang2, adek2 dan kawan2-nya yang boleh membacha dan menulis.

Kesedaran untok mengubah nasib-nya telah lama wujud. Dengan kebolehan yang ada pada-nya, ia chuba meminta bantuan dari pehak Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dengan menulis surat kapada mereka, antara lain kandongan-nya berbunyi, "jika tuan tidak perchaya dengan apa yang saya tulis ini, saya ingin supaya pehak tuan dapat melihat sendiri akan keadaan saya."

PEMBEDAHAN

Satu penyelidekan telah di-lakukan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, dan sa-telah pengesahan di-buat mengenai penyakit-nya sa-orang doktor telah menawarkan supaya Awang Sahari menjalani satu pembedahan dengan membuang sabahagian dari anggota-nya. Tawaran itu di-tolak oleh keluarga-nya dengan alasan pembedahan tersebut akan lebeh memberatkan lagi keadaan-nya, atau hanya menjadikan ia saperti sa-biji timun atau sekoi yang hanya bisa bergolek.

Tawaran kedua di-terima-nya dari Dr. Harris bagi mengadakan satu pembedahan tanpa memotong sa-barang anggota-nya. Dengan diam2 Awang Sahari mempersetujui-nya tanpa keizinan dari kedua orang tua-nya. Beliau menjalani pembedahan sa-banyak enam kali dan berada di-Rumah Sakit di-ibu negeri salama sembilan sa-tengah bulan.

Malang-nya, sa-waktu berada di-rumah sakit, dia tidak pernah menerima lawatan atau kunjongan dari keluarga-nya hinggalah beberapa bulan. Pembedahan berjaya di-lakukan walau pun tidak sapenoh-nya, tetapi ia-nya membolehkan beliau berdiri dan berjalan dengan menggunakan tungkat.

Tetapi pembedahan itu juga telah menghilangkan watak2-nya sa-masa kechil, yang mana pada ketika itu Awang Sahari merupakan kanak-kanak yang aktif bekerja di-sawah, memanching, berenang, memanjat pokok, menjerat pelandok, dan sa-bagai-nya, meski pun beliau dalam usia kanak-kanak itu hanya bisa mengerjakan sasuatu dengan merangkak sahaja. Namun semua itu harus di-tinggalkan.

Sa-masa berada di-hospital beliau sempat mengikuti kelas pemulehan anggota dan mengikuti kelas bahasa Inggeris dalam tingkatan satu. Beliau pulang ka-kampong dalam tahun 1976, saat2 mana kesunyian menyelubongi perasaan beliau. Tanpa berdaya membuat sabarang pekerjaan, masa bagi-nya begitu terluang sa-hingga-lah beliau mendaftarkan diri untok memasoki tiga kelas sa-rentak ia-itu menaip, terengkas dan kelas dewasa bahagian Inggeris.

Sa-lama dua bulan beliau tidak menerima layanan yang baik dari guru-nya, malah ia tidak di-pedulikan langsong. Menurut-nya ini mungkin berpuncha dari rasa tidak perchaya guru-nya terhadap kebolehan-nya kerana tiada bokti yang dapat di-berikan untok membuktikan kebolehan dan tiada pendidekan asas yang di-terima-nya sejak awal2 lagi. Namun keadaan mula berubah dan kehidupan mula bersinar bila lama-kelamaan ia menjadi murid yang di-puji dan paling di-sayangi.

Kehadhiran penuntut mula merosot, yang tinggal hanya sa-orang dua yang giat menghadhiri kelas2 dewasa di-kampong-nya. Soal-nya sanggup-kah guru yang bertugas mengajar kelas dewasa yang di-hadhiri oleh sa-orang penuntut?

SEKOLAH

Awang Sahari memohon kapada pehak Jabatan Pelajaran melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan untok menempatkan beliau di-mana2 jua sekolah2. Permohonan itu hanya bisa di-tertawakan, jelas beliau, apa lagi dia tidak mempunyai pendidekan asas atau sijil bagi membolehkan ia di-tempatkan di-mana2 jua sekolah kerajaan.

Atas pertolongan penyelia sekolah dewasa yang pernah di-hadhiri-nya dan sokongan dari Dr. Harris, ia berjaya di-tempatkan di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-dalam Tingkatan Satu. Hingga kini Awang Sahari mendudoki Tingkatan Empat dan mempelajari pelajaran2 yang biasa di-pelajari oleh penuntut2 menengah yang lain.

Beliau merupakan penuntut yang aktif dan menjadi ketua badan ugama di-sekolah-nya dan chenderong mengarang sajak, cherpen dan lain2. Awang Sahari yang kini berusia 21 tahun juga pernah menjadi penuntut terbaik yang menerima hadiah kepujian shell dari sekolah-nya sendiri. Salain dari itu ia juga pernah mewakili sekolah-nya dalam pertandingan bahas, kuiz dan sharahan di-antara sekolah2, dan baru-baru ini menerima lantekan sa-bagai prefek di-sekolah-nya bagi tahun 1981. Di-tanya tentang

Lihat muka 14

"SAYA ingin memboktikan kapada masharakat bahawa orang2 yang chachat saperti saya, juga mempunyai tempat di-sisi masharakat, dan mereka juga boleh melakukan apa yang orang lain boleh lakukan," Awang Sahari yang rela mengabdikan dirinya yang chachat ketika di-gambar.

WALAU pun ia sa-orang yang mengalami kechachatan di-bahagian kaki di-sebelah kiri, yang menyebabkan beliau terpaksa menggunakan tongkat apabila bergerak, semua itu tidak sekali2 menghalang beliau untok terus menchari pendapatan melalui jalan2 yang di-redhai Tuhan. Kelihatan di-sini Awang Samsu bergambar bersama sa-bahagian dari hasil kerjatangan beliau.

RANCHANGAN PENDIDEKAN TERBITAN BAHAGIAN MELAYU RADIO DAN JABATAN PELAJARAN

'UJI-LAH BAHASA KITA'

SA-TELAH 'Battle of Words' ranchangan pendidekan terbitan Bahagian Inggeris beberapa bulan lalu, kali ini Bahagian Melayu pula menyusuli dengan ranchangan pendidekan yang sama dengan tajok ranchangan 'UJI-LAH BAHASA KITA'.

Saperti juga ranchangan 'Battle of Words' ranchangan 'UJI-LAH BAHASA KITA' juga membantu pelajar dalam mata-pelajaran Bahasa mereka. Dalam ranchangan ini beberapa buah sekolah Menengah Atas dan Menengah Bawah telah turut serta.

Ranchangan ini adalah atas usaha bersama Bahagian Melayu Radio Brunei dengan Jabatan Pelajaran. Untok ranchangan pertama, memuatkan perlawanan diantara Sekolah2 Menengah Atas, ia-itu Maktab Anthony Abell dengan Sekolah Inggeris Berakas.

Awda pelajar yang ingin tahu pasokan mana yang berjaya, jangan lupa mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada hari Juma'at ini, 1hb Mei, 1981, jam 10.30 pagi.

'HAMMER House Of Horror' begitu-lah satu siri baru yang penoh dengan misteri serta menakutkan yang akan di-tayangkan pada hari Sabtu ini jam 11.00 malam.

JURUHEBAH SUSUNAN RANCHANGAN

RADIO Talivishen Brunei berkehendakkan Juruhebah Susunan Ranchangan, yang akan bertugas sachara sambilan (part time). Keutama'an akan di-beri kapada bekas2 penuntut (yang tidak bekerja dengan mana2 pehak masa ini). Mempunyai perwatakan yang segak di-kacha tv dan mempunyai suara yang baik, mendapat kelulusan 'O' Level aliran Melayu atau Inggéris. Kefasehan bertutor dalam bahasa Inggeris menjadi satu kelebehan.

Para pemohon hendaklah lulus menaip sekurang2-nya Perengkat Menengah. Antara tugas2 Juruhebah Susunan Ranchangan ini ia-lah: —

i) Menyediakan skrip (menaip)

ii) Menyampai ranchangan2 harian di-MCR dan Studio sechara 'Shift' sehingga siaran tamat.

iii) Sanggup bertugas bila2 masa di-kehendaki.

Sa-belum pemilehan atau 'audition' di-adakan satu temu-duga akan di-adakan terlebeh dahulu.

Sa-siapa yang ingin menjadi Juruhebah Susunan Ranchangan sambilan sila-lah menulis surat kapada Pengurus Persembahan dan Peranchangan Radio Talivishen Brunei dengan menyertakan sijil persekolahan dan menaip. Surat Beranak, Kad Pengenalan dan dua keping gambar (baru) yang berukoran Paspot hendak-lah juga di-sertakan. Tarikh tutop ia-lah pada 6hb Mei, 1981.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

RABU — 29HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDITERRANEAN VENTURE (siri terakhir)
5.30 JOSIE AND THE PUSSYCATS IN OUTER SPACE
6.00 BERITA
6.05 REBECCA OF SUNNYBROOK FARM Ep. 3.
6.30 BENGKEL KANAK2
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BENGKEL KANAK2 — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "The Quest"
Sikap J.R. mempengarohi penghidupan2 Bobby, Pam, Cliff, Donna dan Ray, tetapi Sue Ellen tidak di-indahkan dan J. R. enggan memperchayai bahawa Sue Ellen sedang di-ekori orang.
7.43 AZAN ISHA
7.47 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TOP RANK FIGHTS OF THE '70'S
9.40 THE FRENCH ATLANTIC AFFAIR (bahagian 1)
1.20 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 30HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA
6.05 TOM AND JERRY
6.28 MYSTERIOUS WORLD — Ep. 2
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE DELPHI BUREAU — "The Top Secret"
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE DELPHI BUREAU — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY
10.00 THE OMEGA FACTOR
10.50 GREAT WESTERN THEATRE Prog 18.
12.05 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 1HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA
6.05 HUMPTY (siri baru untok kanak2)
6.28 MUPPETS —
Kapada peminat2 siri Muppets kita kembali lagi menyaksikan ranchangan ini bagi menggantikan siri Barriers.
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 POP IN GERMANY
7.43 AZAN ISHA
7.47 POP IN GERMANY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MUDA BELIA (ranchangan pertama)
9.30 ROAD TO WEMBLEY
10.20 QUINCY — "Riot"
11.10 SIRAN TAMAT.

SABTU — 2HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW — Ep. 15
6.28 BEWITCHED — "Out of the Mouths of Babes"
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM Ep. 2 "Don't Eat The Snow In Hawaii"
7.43 AZAN ISHA
7.47 MAGNUM — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 INI LAH LAGU KU (ulangan)
9.20 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.10 HAMMER HOUSE OF HORROR "The Thirteenth Reunion"
Satu kursus menguruskan badan membawa kapada kejadian yang menakutkan bagi sa-orang gadis wartawan yang mengalami cherita yang paling menakutkan untok di-tuliskannya.
12.00 SIARAN TAMAT.

AHAD — 3HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BRASS IN CONCERT
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 CHILDREN'S FEATURES — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Free Fall"
Sa-orang musoh lama menuju 12,000 kaki ka-angkasa dan menyebabkan David Banner terjunam ka-tanah tanpa payong terjun.
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN (Piala Malaysia)
9.30 REGIONAL FINALS No. 2
9.45 GRANADA DRAMA — "The Secret Orchard"
11.45 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 4HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SUPER SEVEN
5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE "Lobster World"
6.00 BERITA
6.05 TARZAN — "The Prisoners"
Dengan tangan yang terchedera, Tarzan chuba membawa keluar sa-orang pembunoh bernama Spooner dari hutan untok di-adili.
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Taxi Angels"
The Angels telah di-panggil untok menyiasat bila Tom Archer, yang memileki satu sharikat kereta sewa bersama isteri-nya, Laurie, terchedera bila kereta sewa-nya meletup.
7.43 AZAN ISHA
7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE ROAD TO WEMBLEY
9.40 WHICKERS WORLD
10.30 HILL STREET BLUES
11.15 SIARAN TAMAT.

SELASA — 5HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.30 AQUAMAN
6.00 BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 240 ROBERT — Ep. 3 "Acting Sergent"
7.43 AZAN ISHA
7.47 240 ROBERT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN (Piala Malaysia)
9.30 BIG MOVIE "Harlow"
11.00 THE ASSOCIATES (siri baru)
11.50 SIARAN TAMAT.

KAPADA peminat2 siri 'The Muppets' akan dapat menyaksikan tayangan-nya lagi pada hari Jumaat kira2 jam 6.28 petang.

LAWATAN DYMM
KEBAJIKAN,
DAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bertanyakan sa-suatu
tan Kebajikan, Belia dan Sokan (gambar atas) dan
tangan jabatan tersebut menerangkan sa-suatu kapada
Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sedang memerhatikan sa-suatu kerja bertempat di-salah satu bahagian di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan sambil di-perhatikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan dan Awang Talib Haji Beruddin, Ketua Pegawai Belia dan Sokan berdiri di-belakang (gambar atas). Kebawah DYMM sedang bertanyakan sa-suatu kapada Awang Haji Mahari bin Md Said, Pemeliharaan Hutan ketika Baginda berangkat melawat ka-Jabatan Hutan dengan di-iringi oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah (gambar kiri) dan gambar bawah pula menunjokkan Kebawah DYMM sedang bertanyakan sa-suatu kapada Awang Mahari mengenai gambar2 yang di-pamerkan oleh Jabatan Hutan.

ABATAN2
ANAN

arhani bertempat di-Jaba-
kkan salah sa-orang kaki-
perhatikan oleh YB Pehin

KEBAWAH DYMM sedang menanda-tangani buku lawatan di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan di-perhatikan oleh YB Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan (gambar atas) dan gambar kanan pula menunjokkan ketika Baginda Sultan berada di-Bilek Taklimat bagi mendengarkan taklimat dari tiga buah jabatan2 kerajaan yang di-lawati oleh Baginda pada hari itu. Sementara gambar bawah Kebawah DYMM sedang ashek mendengarkan penerangan dari salah sa-orang kaki-tangan di-Jabatan Odit.



KEBAWAH DYMM sedang mendengarkan penerangan dari salah sa-orang pegawai di-Jabatan Odit bertempat di-Bilek Gerakan jabatan tersebut.



Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

Mulai dari 29hb. April hingga 5hb. Mei 1981

RABU

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Lagu dan senikata; 9.30 — Permintaan pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph pendengar; 1.00 — Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). **T/HARI :** 12.00 — Rampaian tengah hari — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi harapan; 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG :** 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Pilehan irama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Serbanika hiboran (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok belia; 9.00 — Permintaan sukaramai; 9.30 — Apa pilehan awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampai sari hiboran (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London (su); 10.30 — Permintaan sukaramai; 11.30 — Ruangan ketani (su). **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Melayu asli — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra wara (su); 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG :** 2.00 —Siaran berhenti rehat. 5.00 — Majallah ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasehat; 6.00 — Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib; **MALAM :** 7.00 — Bachaan surah yassin-Talil/Irama dakwah; 7.30 — Bimbingan Al-Kor'an — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara radio (su); 9.00 — Tafsir Al-Kor'an; 9.30 — Hidayat; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 6.45 — Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.00 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.30 — Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Waktu Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Dari kampong ka-kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluaga jaya. **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Juma'at; 1.15 — Qasidah/lagu Melayu asli; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Mutiara gambus. **PETANG :** 2.13 — Membachakan susunan ranchangan; 2.15 — Varia peristewa; 2.30 — Ruangan ketani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa pendapat awda/hiboran; 3.30 — Focus Radio — Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30 — Chitrawara; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Gurindam lagu 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 —Suntingan khutbah Juma'at; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Majallah Radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (su); 9.00 — Mutika/petikan dari filem (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

SABTU

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 7.30 — Pada hemat saya—dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Soalan di-udara; 9.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Tetamu minggu ini (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia peristewa (su); 10.30 — Serbanika hiboran (su); 11.00 — Focus radio (su); 11.30 — Apa pendapat awda/hiboran. **T/HARI :** Rampaian tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra Irama; 1.30 — Lagu dan senikata. **PETANG :** 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran pilehan; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya — Azan fardhu asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00 — Irama gembira; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Mutiara gambus (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00 — Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30 — Titian budaya (su); 9.45—Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

AHAD

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 8.30 — Majallah Radio (SU); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Doctor Radio; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Titian budaya; 11.30 — Pancharagam tempatan. **T/HARI :** 12.00 — Sandiwara Radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan dua station. **PETANG :** 2.00 — Membachakan susunan raschangan; 2.02 — Mutika/Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olabraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Pilehan juruhebah; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 gazal; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM :** 7.00 — Gurindam lagu; 7.30 — Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara perajurit 9.30 — Permintaan lagu2 60an; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

ISNIN

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Sain dan perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 11.30 — Bingkisan tanah ayer. **T/HARI :** 12.00 — Komintar radio, 12.15 — Lagu2 rampaian — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian joget; 12.45 — Ta... Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Per... sukaramai. **PETANG :** Siaran berhenti ... 5.00 — Hiboran pilehan; 5.30 — Tanda W... dan Warta Berita; 5.45 — Senandong ... asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan ... ini—Menunaikan sembahyang fardhu ma... **MALAM :** 7.00—Penyanyi harapan; 7.... Tunas pendidek — Azan fardhu isha; 8.... Tanda Waktu dan Warta Berita — ... tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; Chitra irama (su); 9.00 — Pertanian; 9.... Mutiara asli (su); 10.00 — Tanda Wak... Rengkasan Berita; 10.05 Suntingan hid... 10.07 —Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — ... restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

SELASA

PAGI : 6.00—Allah pelih... kan Sultan dan Negara; ... —Sinaran wahyu; 6.30—... bachakan susunan ranchan... dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu ... Warta Berita — Suntingan hidayah/Peri... harian — dendang suria; 8.30 — Suara ... jurit (su); 9.30 — Permintaan kaum ... 10.00 — Tanda Waktu dan Warta ... 10.15—Rampaian London; 10.30—Au... pendengar (su); 11.00 — Dunia wanita ... 11.30 — Hiboran untok suri2 rumah ... 11.45 — Doctor Radio (su). **T/HARI :** ... Hiboran tengah hari — Azan fadhu ... 12.45 — Tanda Waktu dan Wanita ... 1.00 — Tetamu minggu ini; 1.30 — Ke... paikan salam. **PETANG :** 2.00 — Siara... henti rehat. 5.00 — Lagu2 nasehat; ... Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — ... senja; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan ... ini—Menunaikan sembahyang fardhu ma... **MALAM :** 7.00 — Album penyanyi (su) ... — Majallah radio — Azan fardhu isha; ... — Tanda Waktu dan Warta Berita — ... tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban ... — Pancharagam tempatan; 9.00 — Ke... jaya (su); 9.30—Permintaan sukarama... — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; ... — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ... suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — S... di-tamatkan.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

From 29th April to 5th May 1981

WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break by Evelyn Samuel. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. **David's Music Night :** 8.00—Opening Announcement — Mendelssohn — Overture to "A Midsummer Night's Dream"; Brahms — Variations on a Theme by Haydn introduced by Linda Chadd; 9.00 — Music from Japan by Courtesy of NHK; 9.15 — News; 9.30 — Musical miscellany — Chopin-Nocturnes op 48 No. 2, 62 No. 1; Mahler — The Song of the Earth (Excerpt), Mozart — Chamber Music; 10.00 — Close Down.

THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break by Ideris Ali. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement Hello Tomorrow; 8.30 — Perspective; 8.45 — Noorie Paramor and the BBC Midland Radio Orchestra; 9.15 — News; 9.30 — The Big Band Sound; 10.00 — Close Down.

FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined prog 49 (repeat); 11.15 — Strictly Instrumental; 11.30 — Children's Half Hour. **NOON :** 12.00 Three Ladies In Stereo produced by Jaafar Yaakub. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound — 6/16; 1.15 — BBC Sports Magazines; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Three Ladies In Stereo (repeat); 8.30 — Dateline; 9.00 — International Money Programme; 9.15—News; 9.30 — String Sound; 10.00 — Close Down.

SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch Break **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The Practical World; 8.15 — Melody Time; 8.45 — Frank Muir Goes Into: "Public Transport"; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops — 854; 10.00 — Close Down.

SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — We care for you by Idris Ali; 11.15 — Break For Music; 11.30 — Close Encounters of a Bookish Kind (repeat); **NOON :** 12.00 — "Two Away For No" Ak Hishamuddin. **PM :** 12.30 — News; 12.4... Interlude; 1.00 — Top of the Pops; ... — Close Down. **Tajul's Student** N... 8.00 — Opening Announcement — S... Band On Parade; 8.15 — Tell a tale Co... tion produced by Veronica Shim; 8.... English Examined prog 50; 8.45—Sun P... by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00 — Questions Cool Replies; 9.15—News; 9.3... Science Pop; 10.00 — Close Down.

MONDAY

AM : 6.58 — Ope... Announcement; 7.0... World News (BB... Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Mu... Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS ... lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Ope... Announcement—Ladies at Eleven by ... nica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch B... **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch B... (continued); 1.30 — Close Down. 8.0... Opening Announcement — Theatre F... Five : "Rasselag" by Samuel Johnson; ... — Sweet and Stylish; 9.15 — News; 9.... World of Books; 10.00 — Close Down.

TUESDAY

AM : 6.58 — Ope... Announcement; 7.0... World News (BB... Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Mu... Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS ... lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Ope... Announcement—Ladies at Eleven by ... nica Shim. **NOON :** 12.00 — Lunch B... **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Lunch B... (continued); 1.30 — Close Down. **Ja'afar Music Night :** 8.00 — Opening Announ... ment — Just For You Quiz; 8.30 — ... Spot with Collin Clark; 8.45 — Just For Y... Quiz; 9.00 — Rock Line; 9.15 — Pop M... From Asia; 10.00 — Close Down.

intisari RTB minggu ini

BINTANG KECHIL SUKU AKHIR RAH BRUNEI MUARA

PERTANDINGAN Bintang Kechil Radio ... akhir bagi Daerah Brunei-Muara ...song pada hari Jumaat, 17hb ...at di-Studio 'A' RTB jam 2.00

...30 orang peserta telah mengam... dan lapan orang peserta telah ...k memasokki pertandingan sa... bagi gabongan empat daerah.

...memasoki ka-perengkat sa-paroh ...pat2 daerah akan di-gabongkan ... Brunei-Muara akan menghantar ... wakil manakala daerah2 Belait, ... Temburong akan menghantar em... wakil.

...orang peserta yang bertanding ...kat sa-paroh akhir itu hanya 12 ...g akan di-pileh ka-pertandingan ... negeri.

...yang terpileh untok mewakili ...i-Muara ka-pertandingan sa... negeri ia-lah :

...ang Lailawati bte POKLW Dato ...ka Haji Mohd Salleh.

...Sofian bin Pg Anak Hashim.

...Alizulrani bin Pg Haji Salim.

...Faridah bte Pg Ibrahim.

...Tizan bin Jamuddin.

...Rosdinah bte Pg Mohiddin

...Zurainah bte Abd Rahman.

...Siti Zubaidah bte Haji Abd Wahab.

...peserta yang terpileh mewakili Daerah Brunei ...perengkat sa-paroh akhir sa-negeri, Ak Sofian ...dengan penoh perasaan mengalunkan ...nyanyi dalam pertandingan itu. Ak Sofian, ...ka-perengkat negeri tahun 1980.

JUARA MUTIKA 1981 wakil Brunei ka-AASC

DENGAN penoh kegembiraan, Dayang Haslinda Mohd Taib ketika menerima oskar kemenangan sa-telah di-umomkan sa-bagai juara Mutika '81 yang telah di-sampaikan oleh Datin Masni bte Haji Ali, isteri YAM Peguam Negara.

KEDUA : Dk Faridah Pg Damit

KETIGA : Dayang Saadiah Haji Ghazali

RANCHANGAN TVP DARI 4HB HINGGA 10HB MEI

ISNIN — 4HB MEI

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 11
Dalam ranchangan ini Jay Jay belajar menghitong angka2 7 hingga 10. Salepas menghitong Izat, Jay Jay dan Bee Bee menyanyikan lagu mengenai angka-angka tersebut.

Di-Magic Pool mereka nampak perkataan yang bermula dengan huruf 'K'. Bila mereka jumpa Owl, Owl bercherita tentang kejujoran sa-orang budak yang miskin.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 5 (Haiwan)
Semua binatang yang terdapat di-dunia ini di-bahagikan kapada dua kumpolan besar. Tahu-lah kamu kumpolan tersebut ? Ikuti-lah ranchangan ini nanti bersama-sama dengan Che'gu Satari, guru TVP untok darjah 5.

10.30 KAP KAP UDANG 338
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, SI-MANIS, MAIN BOLA TUMBOK, AMINAH, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan pekerjaan sendiri, Che'gu Rokiah akan menggunakan benang untok membuat pattern.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 338.

SELASA — 5HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 11

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5 (Haiwan)

10.30 KAP KAP UDANG 339
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERSENAM, YANG MANA GANJIL, PA' LONG, AMIN, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 339.

RABU — 6HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 11

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5

10.30 KAP KAP UDANG 340.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, AMINAH, MAIN KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah ia-lah PENGURUS BANK DENGAN PEKEDAI KECHIL.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 340.

KHAMIS — 7HB MEI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 341.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, PETI SURAT, BELON SI-MANIS, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan kajian sa-mula jadi, Che'gu Rokiah akan menunjokkan dan bercherita darihal Jenis2 Serangga.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 341.

JUMAAT — 8HB MEI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, AMINAH, MAIN KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah ia-lah PENGURUS BANK DENGAN PEDAI KECHIL.

SABTU — 9HB MEI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 342.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BOLA, TEKA BENDA, RUANGAN BERLAKUN, DI-MANA TEMPAT-NYA, RUANGAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan binatang, Che'gu Rokiah akan bercherita dan menunjokkan dua ekor arnab.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 342.

AHAD — 10HB MEI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BOLA, TEKA BENDA, RUANGAN BERLAKUN, DI-MANA TEMPAT-NYA, RUANGAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan binatang, Che'gu Rokiah akan bercherita dan menunjokkan dua ekor arnab.

ATAS PERTOLONGAN PENYELIA DAN DOKTOR, BERJAYA DUDOKI SEKOLAH MENENGAH

Dari muka 7

chita2-nya, Awang Sahari mengatakan bahawa ia ingin melanjutkan pelajaran hingga ka-perengkat tinggi jika keadaan keluarga-nya mengizinkan.

"Tetapi chita2 saya yang utama ia-lah untok memboktikan kapada masharakat bahawa orang2 chachat saperti saya, juga mempunyai tempat di-sisi masharakat dan mereka juga boleh melakukan apa yang orang lain boleh lakukan," tegas Awang Sahari yang suatu ketika dulu pernah di-anggap anak membawa sial.

SEKALOR

Dari kehidupan malang sa-orang anak yang chachat kita beraleh kapada kehidupan sa-orang tua yang berusia 67 tahun, Awang Samsu bin Tuah. Anak ketiga daripada lima orang adek beradek, Awang Samsu mula menghadapi kechachatan kaki di-sa-belah kiri sejak berusia tujoh tahun, yang mana mengikut ramalan orang tua2 dahulu, sabagai terkena angin penyakit sekalor.

"Suatu hari, saya dan orang tua saya pergi mengambil ayer di-telaga," Awang Samsu memulakan cerita. "Dan pada malamnya saya merasa kesakitan kaki di-sa-belah kiri dan tidak dapat menggerakkan-nya lagi, dan hingga sekarang saya menanggong kepinchangan ini," jelas Awang Samsu.

Beliau hidup berseorangan yang hanya bergantong kapada penchen tua dan elaun dari Jabatan Kebajikan. Kebolehan-nya dalam kerja tangan, saperti membuat sarong dan ulu parang dari papan dan kayu ampol, dan membuat alat2 muzik saperti gambus dari kayu tapong2 dan tambor dari taras tarap, memberikannya untok memperolehi pendapatan yang agak lebeh lumayan. Pekerjaan2 tersebut hanya di-lakukan apabila ada tawaran dari orang2 kampong dan orang2 ramai.

BERGAUL

Kechachatan yang terdapat pada diri beliau, tidak sa-kali2 menyekatnya untok bergaul dan menolong jiran dan saudara mara dalam sa-suatu majlis. Malah beliau lebeh gemar melawat negeri2 jiran apabila mendapat pendapatan yang lebeh, walau pun hanya bertemankan sa-batang tongkat yang merupakan teman penggerak dalam kehidupan-nya sa-hari2.

Kechachatan yang dihadapi oleh orang2 yang kurang bernasib baik, sasunggoh-nya tidak menghalang mereka bagi meneruskan aktiviti2 harian. Malah mereka itu terus berusaha mengikut keupayaan masing2, saperti mana yang kita lihat hingga hari ini.

Kita sa-tentu-nya merasa berterima kaseh, kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan jabatan2 kerajaan yang lain, sentiasa melipat-gandakan usaha ka-arah pemulihan bagi orang2 chachat di-negeri kita. Walau apa pun jenis kechachatan mereka, mereka tidak terbiar untok menjalani hidup melarat, atau berdiam diri dengan nasib malang-nya.

BUTA

Baru2 ini pehak PELITA sempat mengunjongi sa-pasang suami isteri yang buta, penghuni sa-buah rumah di-Kampong Panchor Murai, kira2 20 batu dari ibu negeri. Awang Abd. Ghani bin Haji Garif ia-lah sa-orang pekerja buta Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, yang pernah menghadhiri kursus sa-lama dua tahun di-Kuala Lumpur dan Perak atas usaha Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Di-sana dalam tahun 1971 Awang Abd. Ghani menerima latehan dalam kerja2 menganyam bakul, chara2 berjalan, mempelajari huruf2 timbul dan menerima ujian kechekapan tangan.

Menurut Awang Abd. Ghani, dia mula kehilangan penglihatan-nya sejak berusia enam tahun, berpuncha dari penyakit mata. Begitu juga dengan isteri-nya, Dy. Chahaya bte Ajong, yang menghadapi nasib yang sama sejak kechil lagi. Kini mereka mempunyai sa-orang anak perempuan yang baru berusia dua tahun yang lahir sa-bagai kanak-kanak yang normal.

TERIMA KASEH

Sa-waktu di-temui, beliau dan keluarga menchurahkan rasa terima kaseh-nya atas usaha2 Kerajaan dalam mengendalikan nasib orang2 chachat dari pehak Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, yang memberikan berbagai-bagai latehan dan sumbangan. Latehan2 yang diberikan telah memboleh-kan Awang Abd. Ghani menjadikan anyaman bakul sa-bagai kerja harian dengan mendapat gaji sabanyak $180 sa-bulan, disamping mendapat elaun buta bagi diri-nya sa-keluarga-nya.

Memasak, menchuchi pinggan mangkok dan pakaian serta membersih rumah hanya di-kendalikan oleh isteri-nya. Bagi mengisi waktu yang begitu terluang, Dy. Chahaya mula mempelajari chara2 menganyam bakul dari suami-nya. Dan baru2 ini, atas kerjasama dan gotong-royong orang2 kampong, Awang Abd. Ghani berjaya mendinding di-bahagian bawah rumah-nya yang sa-lama ini di-gunakan tempat bekerja dan penarohan rotan2.

PENGHIDUPAN

Begitu-lah usaha2 yang di-kendalikan oleh sapasang suami isteri yang buta dalam menempoh hidup yang penoh dengan chabaran ini. Walau pun apa jua kesukaran-nya, semua-nya di-tempoh dengan kesabaran bagi menjalani apa yang di-katakan penghidupan.

Dari kehidupan keluarga yang buta, kami temui Awang Mohammad bin Haji Baha, yang mempunyai dua kechachatan di-bahagian panchaindera ia-itu bisu dan pekak.

"Anak saya ini menerima kechachatan semenjak ia di-lahirkan. Tapi meski pun dia chachat, saya juga menyanyangi-nya saperti anak2 yang lain," jelas ibu beliau, Hjh Dy. Pundut ketika di-kunjongi oleh pehak PELITA baru2 ini.

Peranan dan tanggongjawab ibu-bapa sangat-lah penting dalam menentukan nasib anak2 di-masa depan, tanpa membezakan antara yang chachat dan yang sempurna. Dengan pendidekan sa-takat darjah tiga sekolah melayu, Awang Mohammad mendapat pekerjaan di-bahagian Projek Penghapusan Malaria di-Bilek Makmal Darah, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang berpusat di-Berakas. Beliau yang kini berusia 47 tahun telah berkhidmat di-jabatan tersebut kira2 20 tahun dengan kini mendapat pendapatan gaji sa-banyak $617.00. Walau pun hidup-nya dalam keadaan yang kekurangan, tapi beliau berjaya mengisi hidup dengan pekerjaan yang mendatangkan faedah untok negara dan masharakat.

HARAPAN

"Meski-pun pada lahir-nya dia chachat, tapi beliau memileki sifat2 yang luhor, rajin dan bertanggong-jawab, serta mempunyai harapan dan chita2 yang tinggi dan mulia," jelas ibu-nya.

Semua manusia mempunyai harapan dan chita2 dalam hidup-nya, apa-tah lagi apabila mereka itu berdaya mengusahakan dan berkemampuan pula bagi menuju matalamat yang mereka chita-chitakan. Namun bagi mengwujudkan belia yang mempunyai harapan dan chita2 yang tinggi, peranan ibu-bapa amat penting, terutama bagi menjaga kesihatan sa-seorang kanak-kanak.

Salah sa-orang kanak2 yang baru2 ini kami kunjongi mengalami satu penyakit yang mengakibatkan kepala-nya sa-makin membesar dari masa kasa-masa. Menurut keterangan doktor yang pernah merawat-nya anak kechil ini mengalami lebehan ayer di-dalam kepala, dan apa-kah puncha sabenar penyakit tersebut sa-hingga anak kechil itu berkeadaan demikian maseh belum dapat di-pastikan lagi.

MEMBESAR

Berasal dari Kampong Lugu, ia-itu kira2 12 batu dari ibu negeri, Mohammad Adini bin Suhaili yang kini berusia 2½ tahun ada-lah dalam keadaan yang normal sa-waktu di-lahirkan. Tetapi sa-sudah berusia lima bulan, kepala-nya mula nampak membesar, dan hanya dapat berbaring sa-hingga-lah ia berusia sembilan bulan.

Mohammad Adini telah beberapa kali menerima rawatan di-Rumah Sakit Tan Tock Seng, Singapura dan menjalani pembedahan. Semua perbelanjaan di-biayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sa-lepas menjalani pembedahan, ukoran kepala-nya berkurangan, tetapi masch belum semboh sapenoh-nya kerana Mohd. Adini belum dapat berdiri, berjalan atau berlari-lari sa-bagaimana yang sapatut-nya di-lakukan oleh kanak-kanak yang sudah berusia saperti-nya.

DARI latehan2 yang di-berikan oleh pehak Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Awang Abdul Ghani kini berupaya menjadikan kerja menganyam bakul dari bahan2 rotan kasar dan rotan2 yang bermesin sa-bagai kerja harian bagi mendapatkan sumber pendapatan.

DAYANG Chahaya, isteri kapada Awang Abdul Ghani kini mula belajar menganyam bakul melalui tunjok-ajar suami beliau.

KELIHATAN Mohammad Adini bergambar dengan sa-biji bola. Menurut kata doktor, ia mengalami satu penyakit lebehan ayer di-dalam kepala yang menyebabkan sa-makin membesar dari masa ka-semasa.

BRUNEI AKAN SERTAI B-SEPAK SEKOLAH2 ASIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menyertai Pertandingan Bolasepak Sekolah2 Asian yang akan berlangsong di-Jakarta Jun depan. Ini telah di-beritahu oleh salah sa-orang pegawai di-Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran minggu lalu.

Bahagian Latehan Jasmani telah pun memileh sa-ramai 17 orang pemain yang berumor 18 tahun ka-bawah dari sekolah2 seluroh negeri dan pada masa ini mereka sedang menjalani latehan pemusatan di-Kuala Belait.

Latehan tersebut telah pun di-mulakan akhir bulan Mach lalu dan ada-lah di-jangka yang ia-nya akan di-teruskan di-sini mulai bulan Mei depan.

Pemain2 Brunei kebanyakan-nya ada-lah terdiri daripada mereka yang sering kali mewakili negeri di-perlawanan2 saperti Lion City dan juga perlawanan Sekolah2 Asian yang telah di-langsongkan saperti di-Bangkok dan Fillipina.

Dalam perlawanan yang akan di-sertai itu nanti pasokan Brunei akan di-ketuai oleh Zaini Alias dan di-bantu oleh Japri Samad yang mana kedua2 mereka ini ada-lah pemain yang telah bermain bagi negeri ini di-piala Lion City, di-Bangkok dan Fillipina.

Sufri Haji Rakawi, Azmi Jaafar dan Aminuddin Kassim pemain2 yang mempunyai pengalaman serupa juga akan menjadi pemain Brunei di-perlawanan itu nanti.

Terdapat tiga pemain baru yang juga telah di-pileh bagi perlawanan itu kali ini. Mereka ia-lah Mahmud Ali, Zulkefli Taha dan George Malik Nyambong.

Lapan orang lagi pemain yang akan menyertai pasokan negeri kita itu nanti ia-lah Idris Haji Jaafar, Ak. Waslimin bin Pg. Haji Momin, Faisal bin Md. Yusof, Omarali Ibrahim, Tikum Tubi, Isa bin Haji Bakar, Lim Vee Lives dan Franchis Thomas.

Brunei telah pun lapan kali menyertai perlawanan tersebut dan pada tahun lalu ketika mana perlawanan di-adakan di-Bangkok Brunei telah mendudoki tempat ketiga bersama Singapura. Tempat pertama pada tahun tersebut telah di-menangi oleh Thailand dan kedua Korea.

Menurut pegawai bahagian yang mengendalikan latehan bagi pemain2 tersebut, mereka telah pun meranchang untok menguji kebolehan pemain2 dengan mengadakan beberapa perlawanan persahabatan dan ini kata-nya termasok-lah satu ranchangan mengadakan perlawanan dengan pasokan Sabah.

SA-MASA penyampaian hadiah dalam perlawanan Sekolah2 Asian yang berlangsong di-Bangkok tahun lalu. Brunei dalam perlawanan tersebut telah berjaya mendudoki tempat ketiga bersama pasokan Singapura. Di-hadapan kelihatan Ketua Pasokan Brunei, Majidi Ghani (bertanda) bersama ketua Pasokan Singapura.

Rentas Desa di-tanggohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan rentas desa bagi sekolah2, maktab2, persatuan2 dan orang2 perseorangan seluroh negeri yang di-jadualkan di-langsongkan pada 1hb Mei depan telah di-tanggohkan kapada 10hb Mei.

Perlumbaan tersebut ada-lah atas anjoran Persatuan Sokan Amatur Negeri Brunei.

Bagaimana pun sa-orang juruchakap persatuan memberitahu yang tempat bagi perlumbaan tersebut maseh tidak berubah ia-itu di-Padang Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

PEMAIN2 ketika sedang menjalani latehan pemusatan di-Padang Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-Kuala Belait.

Lawatan muhibbah ka-RTM Limbang

KIUDANG. — Sempena perchutian penggal pertama persekolahan, satu rombongan sa-ramai 30 orang pelajar kelas Menaip dan Trengkas Sekolah Melayu Kiudang, Tutong, yang di-ketuai oleh Penyelia Pelajaran Dewasa di-sekolah tersebut bersama dengan dua orang guru menaip dan trengkas telah melakukan lawatan muhibbah sa-lama sahari pada 14hb. April 1981, yang baru lalu.

Di-sana mereka telah menjadi tetamu kapada Radio Talivishen Malaysia Chawangan Limbang. Di-samping itu mereka juga di-bawa melawat kabilek2 bangunan tersebut dan kemudian-nya di-ikuti pula dengan satu Majlis Taklimat mengenai sejarah penubohan dan perkembangan RTM chawangan Limbang, yang di-sampaikan oleh Puan Habibu Morshidi sa-orang Juruhebah, dan juga sebagai wakil kapada Pengawal Bahagian RTM chawangan Limbang.

Sa-lepas itu rombongan tersebut juga telah sempat di-bawa melawat ka-Taman Tasek Bukit Mas yang terletak di-atas sabuah bukit dan merupakan satu2-nya tempat yang menarek di-Limbang. — ZHS.

GAMBAR bawah: Pelajar2 kelas-kelas menaip dan trengkas Sekolah Melayu Kiudang, Tutong, bergambar ramai bersama2 dengan kaki-tangan Radio Talivishen Malaysia Chawangan Limbang di-Taman Tasek Bukit Mas.

Perlawanan Merintis AMDB

SUBOK.—Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, pada hari Khamis lalu, 23hb April, telah mengadakan Perlawanan Merintis Perengkat Pasokan bagi tahun 1981, bertempat di-kawasan bukit di-Kampong Subok, kira2 tiga batu dari Ibu Negeri.

Perlawanan tersebut telah di-sertai oleh 154 pasokan dari Yunit Besar dan Kechil Regimen Askar Melayu Diraja Brunei, yang mana tiap2 pasokan di-wakili oleh sa-orang pegawai dan dua orang soldadu.

Yunit Besar di-wakili oleh Battalion Pertama, Kedua, Angkatan Laut dan Kompeni RHQ, sementara memasoki bahagian Yunit Kechil ia-lah Chawangan Udara, Pusat Latehan, Special Boat Squadron, Pasokan Peninjau, Bengkel Pasokan dan Pasokan Jurutera Pengempor.

Perlawanan tersebut mengadakan 90 minit bagi tiap2 pasokan untok menchari sabanyak 20 check-points yang di-tetapkan dalam kawasan sa-jauh lima hingga enam batu. Markah yang tinggi akan di-berikan kapada pasokan2 yang berjaya menjumpai check-points yang jauh dari tempat permulaan bergerak dan markah akan di-potong bagi pasokan2 yang melebehi masa.

Tujuan utama perlawanan serupa itu di-adakan, menurut Pegawai Merintis Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Major Ambran, ia-lah untok menguji kechekapan membacha peta, menguji daya kepimpinan dan menguji ketahanan berlari. Ia-nya juga merupakan aktiviti tahunan pasokan tersebut bagi merebut piala Brigadier Simpson. Perlawanan pada hari itu telah di-akhiri dengan satu upachara penyampaian hadiah oleh Pegawai Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei Brigadier E. D. Cammeron.— AP.

Perlawanan akhir bola-tampar

SERIA. — Perlawanan akhir bola-tampar perengkat sa-negeri bagi Sekolah2 menengah atas dan bawah akan di-langsongkan di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam di-sini esok.

Perlawanan tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran dan sa-banyak enam pasokan dari sekolah2 menengah atas dan empat pasokan dari sekolah2 menengah bawah akan menyertai perlawanan itu nanti.

AL-KOR'AN UNTOK PENGAJARAN

Pengiran Jeluddin.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pos Agong, Pengiran Jeludin bin Pengiran Mohd Limbang menekankan bahawa Al-Kor'an ada-lah sa-buah kitab agong yang di-turunkan oleh Allah s.w.t. untok di-bacha dan di-telaah oleh manusia bagi mengambil pengajaran2 yang terkandong di-dalam-nya.

Beliau berkata, bila kita memahamkan intipati Al-Kor'an itu, kita akan menemui pengetahuan2 yang lebeh mendalam lagi mengenai dengan berbagai-bagai aspek ilmu yang membawa kemuslihatan hidup manusia di-dunia dan di-akhirat.

"Pada hal Al-Kor'an hanya mengandongi 6,666 ayat sahaja. Chuba-lah kita menongkan sa-jenak. Kita tidak akan mendapat pengetahuan2 dari seluroh aspek kehidupan ini mahu pun dunia dan akhirat dari timbunan buku2, majalah2, ensiklopedia atau lain2 bahan bachaan," tegas Pengiran Jeludin.

Dalam merasmikan peraduan membacha Al-Kor'an dan sharahan Sekolah2 ugama perengkat Daerah Brunei dan Muara itu menurut-nya, segala aspek2 itu ada terkandong di-dalam 30 juz kitab suchi Al-Kor'an, walau bagaimana pun, ini terpulang-lah kapada kita untok membuat dan mencha-ri penghuraian atau tafsiran terhadap ayat2 itu.

SHARAHAN

Menyentoh dengan sharahan, ia-nya sangat mustahak kapada murid2 terutama pensharah2 untok melateh mereka petah dan bijak berchakap di-khalayak ramai.

Kerana kata-nya, dalam zaman ngara yang sedang membangun ini kebolehan sa-seorang untok mengeluarkan buah2 fikiran yang bernas, jujor dan berani amat di-perlukan untok menegakkan shi'ar Islam.

Di-majlis yang berlangsong di-Dewan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, pada pagi Ahad lepas itu Pengiran Jeludin berpendapat, untok menjadi sa-orang pensharah yang petah dan lanchar, mereka hendak-lah banyak membacha bahan2 rujokan, mempunyai pergaulan yang beraneka rupa supaya mendapat pengalaman yang tulin.

Namun demikian, yang paling mustahak kata-nya, sharahan2 itu hendak-lah bersandarkan kapada pengajaran2 yang terdapat di-dalam kitab suchi Al-Kor'an.

DUA LAGI SHARIKAT KERJASAMA DI-TUBOHKAN DI-DAERAH BRUNEI/MUARA

BANDAR SERI BEGAWAN.— Dalam kegiatan-nya untok mempesatkan lagi perkembangan konsep gerakan kerjasama di-negeri ini, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah membantu penubohan dua buah lagi sharikat kerjasama di-Daerah Brunei-Muara pada Jumaat, 17hb April yang lalu.

Mashuarat penubohan Sharikat Kerjasama Kenderaan dan Pengangkutan Jalan Kota Batu Brunei (SKJKBB) telah berlangsong di-Sekolah Melayu Dato Gandi pada sa-belah pagi, sementara pada sabelah petang-nya Sharikat Kerjasama Kampong Jerudong telah di-tubohkan bertempat di-Sekolah Melayu Jerudong. Kedua-dua penubohan itu telah di-hadhiri oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama.

Sa-belum penubohan kedua-dua sharikat kerjasama itu, tambahan peratoran telah di-bentangkan kapada pendudok2 kampong yang hadhir untok di-binchangkan dan Awg. Mahmud telah menjawab soalan2 yang di-kemukakan berkaitan dengan-nya.

Daripada minat yang di-tunjokkan oleh pendudok2 kampong yang menghadhiri mashuarat penubohan itu, Pemangku Pesurohjaya berpuas hati yang penubohan kedua-dua sharikat kerjasama itu ada-lah atas kehendak serta kemahuan mereka ia-itu satu sharat utama dalam gerakan kerjasama.

Kawasan Sharikat Kerjasama kenderaan dan Pengangkutan Jalan Kota Batu Brunei ada-lah meliputi semua kampong di-sa-panjang Jalan Kota Batu hingga ka-simpang Jalan Muara ia-itu kampong2 Pintu Malim, Kota Batu, Sungai Besar, Pulau Baru-Baru, Belimbing, Subok, Batu Marang, Mentiri, Sungai Belukut, Serdang, Dato Gandi, Sungai Matan, Pelambayan, dan Pudak.

Penyiasatan awal menunjokkan sa-ramai 55 orang pendudok kampong telah menampakkan minat untok menjadi ahli sharikat kerjasama itu yang antara lain tujuan penubohan-nya ada-lah untok memperbaiki ekonomi ahli2-nya menurut prinsip2 kerjasama dengan mengusahakan perkhidmatan kenderaan dan pengangkutan.

Kegiatan perniagaan utama Sharikat Kerjasama Kampong Jerudong ada-lah untok menubohkan satu chawangan yang mengendalikan perkhidmatan steshen pam minyak bagi kemudahan ahli2 dan orang ramai. Sharikat akan mengusahakan membeli sa-bidang tanah seluas ½ ekar untok tapak steshen pam minyak itu.

Pemangku Pesurohjaya memberi penghargaan kapada semua ketua kampong yang dengan galakan serta sokongan mereka kedua2 sharikat kerjasama itu dapat di-tubohkan.

DARI kanan kelihatan Awang L. Small dan Awang Canzini — kedua2-nya pensharah di-North East London Polytechnic, Awang Mohammad Taib, sa-orang wakil dari negeri Peranchis dan Pengiran Matusin di-satu majlis ramah tamah bersempena dengan persidangan itu.

Mashuarat Agong Sharikat Melayu Sengkurong

SENGKURONG. — Sharikat Melayu Sengkurong yang di-tubohkan dua belas tahun yang lalu akan mengadakan mashuarat agong-nya pada hari Jumaat, 1hb. Mei ini bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Sengkurong mulai jam 8.30 pagi.

Mashuarat tersebut di-jangka akan di-rasmikan oleh Dr. Mohd Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal. Sementara pengerusi lembaga pengarah sharikat tersebut, Dato Paduka Haji Judin bin Asar juga akan turut memberikan uchapan-nya di-majlis itu.

Sa-orang juruchakap bagi pehak sharikat itu berkata, semua ahli2 pemegang saham Sharikat Melayu sengkurong di-persilakan supaya akan hadhir ka-mashuarat itu nanti. — JAL.

Persidangan Ukor Tanah dan Pemetaan Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah menghantar dua orang wakil ka-Persidangan Ukor Tanah dan Pemetaan Kebangsaan di-United Kingdom yang telah di-adakan pada 30hb Mach hingga 3hb April lepas.

Persidangan yang di-adakan di-University of Reading itu telah di-hadhiri oleh kira2 450 orang peserta dari 16 buah negeri yang mempunyai hubongan yang rapat dengan RICS (Royal Institution of Chartered Surveyors).

Brunei di-wakili oleh Awang Mohammad Taib bin Haji Mohammad Said, Penolong Juru Ukor Kanan dan Pengiran Matusin bin Pengiran Haji Matassan, Ketua Juru Teknik Ukor.

Awg. Mohammad Taib pada ketika ini kebetulan sedang mengikuti latehan dalam perkhidmatan di-UK untok mendapatkan keahlian dalam RICS di-North East London Polytechnic sementara Pengiran Matusin pula belajar untok mendapatkan Ijazah B.Sc Hons dalam Sains Ukor Tanah.

Persidangan yang di-anjorkan oleh RICS dengan kerjasama lain2 persatuan dan badan2 yang berkaitan dengan ukor tanah dan pemetaan itu telah membinchangkan sabanyak 39 kertas kerja yang bertujuan untok memberi satu pandangan yang meluas terhadap perkembangan profeshen ukor tanah dan pemetaan serta untok memberi kesan2 yang berfaedah bagi menyelesaikan masaalah2 yang sedang di-hadapi oleh pengusaha2 ukor tanah dan pemetaan.

Persidangan yang memakan masa sa-lama lima hari itu ada-lah merupakan perjumpaan yang pertama kali-nya di-adakan di-United Kingdom dan di-jangka akan di-langsungkan empat tahun sakali.

Di-samping menghadhiri persidangan, para peserta juga berpeluang untok menyaksikan pameran berbagai jenis alat2 ukor dan pemetaan yang moden daripada 23 badan.

AWANG Mohammad Taib dan Pengiran Matusin sedang memerhati satu alat ukor moden yang telah di-pamerkan di-persidangan itu.

KEMPEN MENCHEGAH KOLERA BAGI SEKOLAH2 DARI 4HB MEI HINGGA 7HB MEI 1981

BRUNEI-MUARA

TARIKH	TEMPAT2 YANG AKAN DI-LAWATI
4hb Mei	Sekolah Melayu Anggerek Desa dan Anex Sekolah Melayu Amar Pahlawan dan Anex Sekolah Melayu Delima Satu Berakas English School dan Anex Sekolah Melayu Rendah Pulaie
5hb Mei	Sekolah Melayu Tanah Jambu Sekolah Melayu Sungai Hanching dan Anex Sekolah Melayu Serasa dan Anex Sekolah Melayu Sungai Besar Sekolah Melayu Dato Gandi dan Anex Sekolah Melayu S.O.A.S. Muara dan Brunei
6hb Mei	Sekolah Pertukangan Saiful Rizal Jalan Muara Maktab Paduka Seri Begawan Sultan dan Anex Sekolah Melayu Lambak dan Anex
7hb Mei	Maktab Perguruan Gadong Pusat Tingkatan Enam Sekolah Melayu Beribi Sekolah Melayu Kiarong

TUTONG

TARIKH	TEMPAT2 YANG AKAN DI-LAWATI
4hb Mei	Sekolah O.K.A.W.S. Diraja Kupang Sekolah Melayu Sinaut
5hb Mei	Sekolah Melayu Birau Sekolah Melayu Kiudang
6hb Mei	Sekolah Melayu Batang Mitus Sekolah Melayu Bebuloh
7hb Mei	Sekolah Melayu Bekiau Sekolah Melayu Lamunin

TEMBURONG

TARIKH	TEMPAT2 YANG AKAN DI-LAWATI
4hb Mei	Sk. Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar
5hb Mei	Sekolah Rendah Melayu Sultan Hassan Bangar
6hb Mei	Sekolah Persediaan Inggeris Bangar
7hb Mei	Sekolah Melayu Senukoh Chung Hwa School

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SA-BAGAI PENTERJEMAH KANAN (INGGERIS MELAYU)

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penterjemah Kanan (Inggeris/Melayu) di-Pejabat Undang2, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Chalon2 mesti-lah lulus pepereksan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' (Perengkat Biasa), atau yang sebanding dengannya dan mendapat sekurang2-nya kredit dalam mata-pelajaran2 Bahasa Melayu dan Inggeris. Chalon2 yang mempunyai pengalaman dalam membuat kerja2 terjemahan undang2 ada-lah di-utamakan.

Tugas2 dan Tanggong-jawab:
Menterjemah Undang2, Perentah2 'Am, Surat Kontrek dan surat menyurat 'am. Chalon yang berjaya akan bertugas sa-chara langsong di-bawah arahan Ketua Penterjemah.

Tangga Gaji :
C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395-1445 - 1495 - 1545 - 1615-1685 / E B / 1735-1795 - 1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan :
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb Jun, 1981.

(E/6/79 — Bil : 59/1981)

TENDER NOTICE

TENDER FOR THE REHABILITATION OF NAAFI SHOP AT TUTONG CAMP FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from the Registered Public Works Department Contractor Class 'A' for the above mentioned works up to 12.00 noon 19th May 1981 (Tuesday).

2. Tender documents consisting of Bills of Quantities and scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Arkitek, Chartered Architects, No 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tender documents will not be issued to any tenderers after 14th May 1981.

3. All other detailed drawings are displayed and can be examined at the said office.

4. The tender deposit will be Brunei $500.00 (Dollars Five Hundred Only) in the form of a "cashier's order" issued by a Bank, made payable to the Government of Brunei. The said deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and return of deposit receipt and tender drawings to the Architect's office. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

5 The tender deposit will NOT be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders must be submitted on the Tender Form together with the Bills of Quantities provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 19th May 1981 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

7. Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderer and shall be marked clearly: — "TENDER FOR THE REHABILITATION OF NAAFI SHOP, TUTONG CAMP FOR THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."

8. Our Client, the Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

PROPOSED REGIMENTAL MUSEUM, STATE ARCHIVES AND ARCHAEOLOGICAL BUILDING COMPLEX, PHASE 1 AT JALAN KOTA BATU, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 19th May 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE PROPOSED REGIMENTAL MUSEUM, STATE ARCHIVES AND ARCHAEOLOGICAL BUILDING COMPLEX, PHASE 1 AT JALAN KOTA BATU, BRUNEI."

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan from 30th April 1981 during normal office hours. Tender documents will not be issued to any tenderers after 14th May 1981.

5. The Tender Deposit will be $1,000.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to : —

(1) produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class "A" contractor;

(2) produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately B$400,000.00) in accordance with the Conditions of Contract.

7. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for :

1. TENDER No. SES/22/81
CATEGORY 6
Overhaul/repair/rebuilding/reconditioning-inspection/testing of Stabiliser Sleeves (1981-1984) and other workshop services.

2. TENDER No. LEN/76/81
CATEGORIES 4 & 17
Installation of PVC drinking water system for industrial use as per specification and drawings.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT, BRUNEI TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited from local contractors who have registered with the Telecommunications Department and have either the A, B or C Registration Class.

2. The said tenders are for excavation of trenches and laying telephone cables along the Jerudong Road (from Junction of Jerudong/Tutong to Pologround Guardroom).

3. Tenders should be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 6th May 1981. Tenders received after the said time and date will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : —

"TENDER FOR LAYING CABLES ALONG JALAN JERUDONG TELECOMS DEPARTMENT BRUNEI"

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Further details about the tender can be obtained from the office of the Director of Telecoms at Jalan Istana Darusalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00. The said deposit is refunded to all unsuccessful tenderers provided that the tender documents are returned in good condition together with the receipt of the Deposit. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to return the Tender Documents.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER NOTICE

No. 1/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. on Saturday, 9th May 1981 for the supply of the following:—

5 (FIVE) UNITS APPROXIMATELY 25 TO 28 SEATER BUSES.
Transmission — Manual
Engine — Petrol
Right hand drive

3. For further particulars please contact the Force Procurement Officer, Police HQ, Gadong.

4. Approximate date of delivery must be stated. All prices quoted on C.I.F.

5. Tender must be placed in sealed envelope. There must be no indication on the cover of the tenderer. The cover must be addressed to:—

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Bandar Seri Begawan,

and clearly marked : —

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF VEHICLES".

6. All tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.

7. Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

TENDER NOTICE

SOIL INVESTIGATION FOR COASTAL PROTECTION WORKS AT PELOMPONG SPIT, MUARA

7. TENDERS are invited from interested firms to undertake soil investigation at Pelompong Spit and adjacent areas at Muara.

2. Tender Documents can be obtained, during normal office hours, from the office of Singapore Engineering and Consultancy Services Pte Ltd. at PSA Resident Engineer's Office, Signal Station, Jalan Pelompong, Muara, on payment of a Tender Deposit of B$500.00 in the form of a Bank Draft in favour of the Brunei Government. The Tender Deposit will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona-fide tender and the return of issued Tender Documents and drawings.

3. The tenderers' submitted bid, duly signed and enclosed in a sealed envelope, and marked at the top left-hand corner :

"TENDER FOR SOIL INVESTIGATION FOR COASTAL PROTECTION WORKS AT PELOMPONG SPIT, MUARA"

shall be delivered not later than 12.00 noon on Tuesday, 12th May 1981 to :

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

4. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR NAAFI SHOP AT TUTONG CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'B' and above Contractors up to 12.00 noon, 12th May 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR NAAFI SHOP AT TUTONG CAMP."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 29th April 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'B' or above Contractors.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED RENOVATION OF NAAFI SHOP AT TUTONG CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' and 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 12th May 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED RENOVATION OF NAAFI SHOP AT TUTONG CAMP."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, from 29th April 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractors.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDER FOR KITCHEN EQUIPMENT INSTALLATION FOR COOKHOUSE AT WOMEN COMPANY ACCOMMODATION, BOLKIAH CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or Specialist Contractor up to 12.00 noon, 12th May 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR KITCHEN EQUIPMENT INSTALLATION FOR COOK HOUSE AT WOMEN COMPANY ACCOMMODATION, BOLKIAH CAMP, BRUNEI."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 29th April 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Specialist Contractors.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF BEDPAN WASHERS FOR WARD BLOCK GROUP — NEW GENERAL HOSPITAL

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei, not later than 12.00 3 June 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

2. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenders and shall be marked clearly "TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF BEDPAN WASHERS FOR WARD BLOCK GROUP, GOVERNMENT OF BRUNEI, NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP BRUNEI.

3. Tender document can be obtained from the office of Commissioning Team, 403 1st Floor Seri Complex, Bandar Seri Begawan, Brunei or P.O. Box 2475, BSB.

4. The Tender Deposit shall be $1,000.00 (Brunei Dollars one Thousand only) in the form of Bank Draft in the Government of Brunei. The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bonafide tender and the return of document and drawings.

